



BERKENAN MENERIMA MENGADAP SPEAKER OF THE PARLIAMENT OF SINGAPORE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima

mengadap Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3

Pelantikan keahlian Majlis Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan keahlian Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam yang baharu iaitu bagi menggantikan ahli-ahli yang telah mansuh tempoh lantikannya.

Ahli-ahli yang baharu adalah seperti berikut iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

>> Muka 4

Usaha mempertingkatkan perkembangan status kesihatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

AMMAN, Jumaat, 10 Oktober. - Persidangan Menteri-menteri Kesihatan Negara-negara Islam Sesi Ke-8 (8th Session of the Islamic Conference of Health Ministers - ICHM8) telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut telah diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dengan disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD

ke Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Puan Yang Terutama Hajah Nor Huda binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Ahmad serta beberapa orang Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Persidangan ICHM8 telah membawakan tema perbincangan 'Kesihatan adalah Tanggungjawab Kita Bersama' (Health is Our Shared Responsibility) dengan objektif utama untuk menetapkan hala tuju strategik baharu bagi kerjasama kesihatan dalam

kalangan negara anggota OIC, berdasarkan usaha-usaha terdahulu.

Mesyuarat ini adalah landasan utama untuk membincangkan dan menentukan strategi serta resolusi masa depan bagi meningkatkan hasil kesihatan dan inisiatif kerjasama antara negara anggota OIC, selaras dengan matlamat utama Pelan Tindakan OIC-2025 yang menekankan kerjasama, solidariti dan pembangunan program kesihatan berimpak tinggi.

>> Muka 6

Berita Utama



USAHA memperkukuh hubungan baik MMN, Parlimen Singapura

Muka 5



SYIAR Islam terus bersinar

Muka 12



TINGKATKAN kesedaran terhadap pematuhan Cukai Pendapatan Korporat

Muka 25



INFO Teknologi

TEKNOLOGI pembatalan hingar : Mencipta keheningan dalam dunia yang bising

Muka 28

Warga Perkhidmatan Awam perlu membangun, perkukuh perpaduan, penuhi aspirasi masyarakat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajama'een.

DENGAN penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan juga mewakili Pengerusi-pengerusi Bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025 dan sekalian peringkat jawatankuasa eksekutif, serta seluruh warga Perkhidmatan Awam, merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat ke Majlis Kemuncak Sambutan HPA Kali Ke-32 pada pagi ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan seterusnya berkenan mengurniakan titah dan menyempurnakan pengurniaan anugerah - anugerah, adalah sangat bermakna serta sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam.

Tema 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara', terus mengingatkan setiap warga Perkhidmatan Awam tentang kepentingan membangun ketahanan dan memperkukuh perpaduan, dalam mendepani cabaran perubahan semasa serta memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat.

Begitu juga sandarannya terhadap nilai integriti sebagaimana titah-titah Kebawah Duli Tuan Patik, mengenai

kepentingannya bagi tadbir urus yang beretika, berintegriti dan berakuntabiliti untuk terus diperkukuhkan dan dipertingkatkan di setiap peringkat pengurusan dengan berpegang kepada prinsip 'Perkhidmatan Awam Berpusatkan Rakyat'.

Ke arah itu, tumpuan terus diberikan kepada pelaksanaan inisiatif pendigitalan Perkhidmatan Awam secara lebih meluas. Ini terbukti bilamana perkhidmatan dalam talian Kerajaan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 259 pada tahun 2024 berbanding 178 dalam tahun 2023.

Perkhidmatan - perkhidmatan ini boleh diakses melalui beberapa portal utama seperti e-Darussalam, G.O.V. DOT B.N. (gov.bn) dan BusinessBN untuk kemudahan orang awam dan pelbagai pihak berkepentingan.

Seiring dengan pelaksanaan transformasi digital yang semakin pesat, juga memerlukan peningkatan kerjasama dan sinergi yang kukuh antara Perkhidmatan Awam dan semua pihak berkepentingan.

Justeru, pelbagai usaha giat dijalankan secara berperingkat untuk memperkukuhkan lagi proses konsultasi awam melalui pendekatan yang lebih sistematik dan inklusif. Ini bertujuan memupuk budaya ketelusan, akauntabiliti serta penglibatan aktif rakyat dalam tadbir urus yang responsif dan berorientasikan rakyat.

Dalam memperkasakan proses-proses berkaitan sumber manusia dan kebolehpasaran maklumat secara lebih lancar, intuitif dan berasaskan *real-time data*, keupayaan Sistem Sumber Manusia (SSM) terus mencatatkan kemajuan positif dan insyaaAllah ianya akan dipertingkatkan lagi dengan pelancaran aplikasi mudah

alih SSM.

Sudah tentu, harapan kita adalah agar ekosistem sedia ada terus menjadi landasan kondusif bagi warga Perkhidmatan Awam meneroka teknologi baharu, khususnya Kecerdasan Buatan (AI) dan memperkasa inovasi digital. Bagi menyokong peralihan ini, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) juga giat menawarkan program latihan berkaitan ICT dan inovasi digital.

Malah, statistik IPA menunjukkan jumlah program ditawarkan meningkat sebanyak 81 peratus dan penyertaan Latihan dalam bidang inovasi dan ICT meningkat sebanyak 45 peratus bagi tempoh Tahun Kewangan 2022/2023 hingga 2024/2025.

Alhamdulillah, IPA baru-baru ini juga mencapai kejayaan bermakna dalam misinya menjadi Centre of Excellence dengan memperoleh dua pengiktirafan antarabangsa, iaitu ISO Quality Management System dan ISO Education Organisation Management System.

Sejajar dengan peranan penting teknologi dalam memperkasakan tadbir urus Perkhidmatan Awam melalui sinergi kukuh bersama pihak berkepentingan, sambutan kali ini akan menampilkan Pameran Khas dan Persidangan Perkhidmatan Awam Tahun 2025 bertemakan 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan AI dalam Perkhidmatan Awam'. Semoga penganjuran ini menjadi platform untuk memperluas perkongsian pengetahuan dan memperkukuh jaringan strategik melalui pendedahan kepada pelbagai inovasi digital semasa dan akan datang.

Disebarkan bahawa pada majlis pagi ini, Kebawah Duli Tuan Patik



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 pada Isnin, 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 29 September 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

akan mengurniakan beberapa kategori anugerah, termasuk:

- Anugerah Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang (3PSA);

- Anugerah Inovasi Perdana (AIP); dan
- Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

>> Muka 12

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	SABTU	19	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
12	AHAD	20	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	ISNIN	21	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	SELASA	22	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
15	RABU	23	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
16	KHAMIS	24	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
17	JUMAAT	25	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 11 OKTOBER 2025

Memperkasakan penjagaan kesihatan mental

LANGKAH-langkah memperkasakan penjagaan kesihatan mental mangsa-mangsa serta pekerja barisan hadapan yang terlibat dalam membantu, merawat dan menyelamatkan mangsa bencana atau kecemasan adalah amat penting.

Kita perlu memastikan wujudnya sokongan kesihatan mental dan psikososial yang komprehensif, dengan tenaga kerja yang terlatih serta garis panduan yang jelas dalam strategi pengurangan risiko bencana negara kita.

Selain itu, ia juga penting untuk kita memupuk budaya empati, keprihatinan dan keterbukaan agar orang ramai berasa selamat untuk mendapatkan bantuan tanpa rasa takut terhadap penghakiman dan diskriminasi, di samping menggalakkan perbualan terbuka mengenai kesihatan mental.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025.

Tema Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini iaitu 'Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Ketika Menghadapi Musibah dan Kecemasan' adalah satu seruan untuk menekankan kepentingan dan memberi keutamaan terhadap kesihatan mental dalam penggubalan setiap pelan tindakan kecemasan negara.

Jelas Yang Berhormat lagi, ia adalah merupakan strategi penting bukan sahaja dalam menyelamatkan nyawa, malah dalam memperkukuhkan semula struktur masyarakat kepada yang lebih berdaya tahan. Kita perlu mengakui dan menyedari bahawa kesan psikologi akibat krisis atau bencana adalah tindak balas yang normal dan ia boleh menjejaskan sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang atau tahap kedayatahan mereka.

Walaupun kebanyakan individu mampu pulih dengan sokongan dan dorongan positif, sebahagian yang lain mungkin mengalami kecelaruan mental seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*) atau *post-traumatic stress disorder* yang memerlukan rawatan daripada profesional kesihatan. Oleh itu, adalah sangat penting untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan penjagaan yang bersepadu, di mana perkhidmatan kesihatan mental mudah diakses dalam perkhidmatan kesihatan asasi dan juga dalam penjagaan sosial.

Pencegahan dan persediaan juga perlu diberi keutamaan dalam kesiapsiagaan menghadapi dan menangani apa jua kesukaran yang lahir daripada bencana atau situasi kecemasan, selaras dengan tuntutan Maqasid Syariah di mana salah satu komponen utamanya adalah tuntutan memelihara akal.

Ilmu pengetahuan, kefahaman dan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai gejala mental adalah sangat penting untuk membantu seseorang negara dalam menangani dan mengekang gejala mental daripada berleluasa. Kesedaran dan penjagaan kesejahteraan mental adalah perlu untuk membolehkan individu menjalani kehidupan seharian yang seimbang, walau apa jua cabaran yang dihadapi. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریختکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap Speaker of the Parliament of Singapore

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Semasa Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyampaikan ucapan tahniah atas pemilihan semula Yang Berhormat sebagai Speaker of the Parliament of Singapore, dan berbincang mengenai langkah - langkah untuk mengukuhkan lagi hubungan dua

hala di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, termasuk kerjasama dua hala di antara Majlis Mesyuarat NBD dan Parlimen Republik Singapura serta memperkukuh persefahaman dalam konteks serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat serta rombongan berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Kerja selama dua hari. Lawatan berkenaan juga sebagai usaha

memperkukuh kerjasama antara institusi legislatif ASEAN terutamanya mempererat hubungan dua hala antara institusi legislatif NBD dan Republik Singapura.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap berkenaan, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; Timbalan Menteri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng (atas dan atas kiri).

di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha

Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP SETIAUSAHA PERTAHANAN REPUBLIK FILIPINA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr. (atas dan kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyertai The Honourable Gilberto

C. Teodoro, Jr. ialah Undersecretary for Defense Affairs, Mejar Jeneral Angelito M. De Leon (B) AFP; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pertahanan Negara, Republik Filipina.

NBD dan Republik Filipina mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan kian lama terjalin, yang diperkukuhkan lagi melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 22 Ogos 2001 serta penyertaan aktif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ke Independent Decommissioning Body - Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB-VMAT) mission di Mindanao, Republik Filipina, di samping kerjasama erat kedua-dua negara menerusi platform-platform pertahanan pelbagai hala.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr.

Memperkukuh kerjasama antara institusi legislatif ASEAN

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), pagi tadi berkenan menerima mengadap Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Turut hadir pada Majlis Mengadap berkenaan, Members of the Parliament of Singapore, iaitu Yang Berhormat Dr. Wan Rizal; Yang Berhormat Dennis Tan; Yang Berhormat Lee Hui Ying; Yang Berhormat Hazlina Abdul Halim; bersama dengan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Majlis Mengadap berkenaan juga dihadiri oleh Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos serta Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat



Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Yang Berhormat Seah Kian Peng serta rombongan berada di

negara ini bagi mengadakan Lawatan Kerja selama dua hari.

Lawatan berkenaan juga sebagai usaha memperkukuh kerjasama antara institusi legislatif ASEAN terutamanya mempererat hubungan dua hala antara institusi legislatif NBD dan Republik Singapura.

Berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran PPPBD

JERUDONG, Jumaat, 10 Oktober. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2025, PPPBD, hari ini.

Berkenan berangkat pada majlis yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Yang Dipertua PPPBD.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dijunjung oleh Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris; Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini yang mana menyebarkan aktiviti dalam perancangan kegiatan PPPBD sepanjang tahun 2025 sama ada kegiatan tahunan ataupun kegiatan tambahan telah dapat dilaksanakan dan diungkayahkan dengan baik dengan adanya kegigihan, komitmen dan kerjasama yang kuat di antara jawatankuasa tadbir dan pemimpin-pemimpin dalam menjalankan aktiviti persatuan.

"Walaupun Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri belum dapat beroperasi sepenuhnya, ini tidak menghalang jawatankuasa tadbir dan ahli-ahli persatuan untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti kepanduan pada tahun ini.

"Alhamdulillah latihan dan kursus kepanduan dan perkhemahan dapat diteruskan dan dilaksanakan dengan menggunakan tempat-tempat yang bersesuaian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Belia dan Sukan melalui Bahagian Belia," sembahnya lagi.

Dayang Norazrina seterusnya menyebarkan, bahawa pada masa ini jawatankuasa tadbir PPPBD sedang dalam usaha untuk memastikan Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri dapat digunakan sepenuhnya nanti dan diharapkan apa jua kegiatan serta aktiviti yang dijalankan oleh semua Ahli PPPBD memberikan manfaat dan ilmu yang berguna kepada semua peringkat umur ahli-ahlinya dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amalan yang berkebaikan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrjiyyah dan doa memulakan bacaan Al-Quran beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Ini kemudiannya diikuti dengan bacaan Tahktim oleh peserta-peserta Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2025 yang dipimpin oleh Pemimpin Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Dayang Alas Sarirah binti Awang Sulaiman.

Sementara itu, bacaan Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman, manakala bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2025, PPPBD.

Darussalam pula dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD.

Pada majlis tersebut, sebanyak tiga kumpulan pembaca terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa dan Pemimpin-pemimpin Muda telah menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Turut sama ialah ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran setiap seorang.

Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri, PPPBD merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan

persatuan yang antara lain diadakan khusus bagi meraikan Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Selain itu, ia juga bagi meraikan dan menghargai sumbangan jasa dan bakti Ahli-ahli PPPBD yang telah lama berkhidmat bersama persatuan dan aktif dalam kegiatan kepanduan serta memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan sekali gus ahli-ahli dari aspek kerohanian dan untuk ahli-ahli lebih mendekatkan diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap.



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

PELANTIKAN KEAHLIAN MAJLIS UGAMA ISLAM

>> Muka 1

Manakala ahli-ahli lain Majlis Ugama Islam ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji

Mohd. Yusof; Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang

Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad; Pemangku Penolong Pengarah Urusan dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Bank Islam Brunei Darussalam, Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah dan Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam.

Tarikh lantikan Ahli-ahli Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam yang baharu ini berkuat kuasa mulai Khamis, 17 Rabiulakhir 1447 Hijrah bersamaan 9 Oktober 2025 Masihi bagi tempoh tiga tahun.

Raptai penuh pastikan kelancaran Majlis Ramah Mesra



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar berangkat bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 akan diadakan pada Ahad, 12 Oktober 2025 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran dan memantau persediaan-persediaan awal serta persiapan-persiapan

latihan yang diunkayahkan, khususnya bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke majlis tersebut, pagi tadi diadakan raptai penuh majlis berkenaan.

Antara yang disaksikan pada majlis raptai tersebut ialah

Persembahan Khas bertemakan 'Raja Penyayang Julangan Rakyat'.

Berangkat dan hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar;

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Dalam pada itu orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk memeriahkan lagi Majlis Ramah Mesra tersebut nanti.

USAHA MEMPERKUKUH HUBUNGAN BAIK MMN, PARLIMEN SINGAPURA



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan hormat daripada Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, rombongan turut mengadakan lawatan ke Dewan Persidangan MMN.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Speaker of the Parliament of Singapore, Yang Berhormat Seah Kian Peng di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, hari ini.

Rombongan Ahli-ahli Parlimen Singapura berkenaan turut disertai oleh Yang Berhormat Dr. Wan Rizal; Yang Berhormat Dennis Tan; Yang Berhormat Lee Hui Ying; Yang Berhormat Hazlina Abdul Halim bersama dengan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay.

Turut hadir dalam kunjungan

berkenaan, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Dato Paduka Awang Haji Hurairah serta Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak mengadakan perbincangan mesra yang

menumpukan kepada usaha-usaha untuk terus memperkukuh hubungan baik antara MMN dan Parlimen Singapura, khususnya dalam mempererat jalinan silaturahim dan kerjasama antara kedua-dua institusi.

Kedua-dua pihak turut bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai fungsi serta peranan institusi parlimen masing-masing di samping berkongsi pendekatan dalam aspek pengurusan parlimen, pembangunan kapasiti dan peluang pembelajaran bersama melalui pertukaran amalan terbaik.

Pertemuan tersebut telah menekankan kepentingan hubungan antara-parlimen dalam menyokong hubungan akrab antara NBD dan Republik Singapura di samping memperkukuh jalinan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pembangunan. Selepas kunjungan hormat,



rombongan turut mengadakan lawatan ke Dewan Persidangan MMN.

Lawatan tersebut mencerminkan komitmen bersama untuk terus mempererat hubungan

institusi legislatif kedua-dua negara, di samping menyumbang kepada pengukuhan persahabatan serta kerjasama NBD dan Republik Singapura secara menyeluruh.



NBD - REPUBLIK FILIPINA TERUS MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN PERTAHANAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BOLKIAH GARRISON, Khamis, 9 Oktober. - Kementerian Pertahanan pagi tadi menerima kunjungan rasmi daripada Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, The Honourable

Gilberto C. Teodoro, Jr. disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, seterusnya menerima Tabik Hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menerima kunjungan rasmi daripada Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr.

yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB).

The Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr. kemudiannya mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi.

Semasa kunjungan berkenaan, kedua-dua belah pihak menzahirkan rasa puas hati terhadap hubungan kerjasama pertahanan yang rapat dan sudah

THE Honourable Gilberto C. Teodoro, Jr. memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei.



lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Filipina, yang terus diperkukuh melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama (Joint Defence Working Committee – JDWC) serta pertukaran lawatan yang aktif, eksekais ketenteraan, latihan dan kursus.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif

Pertahanan.

Sementara itu, delegasi Republik Filipina terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio dan Undersecretary for Defense Affairs, Undersecretary Angelito M. De Leon.

Lawatan Rasmi Setiausaha Pertahanan Negara Republik Filipina ke NBD tersebut merupakan sebahagian daripada lawatan ke Negara-negara ASEAN bagi mempertingkatkan hubungan pertahanan.



Usaha mempertingkatkan perkembangan status kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

One Health yang mengintegrasikan kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar dan mengukuhkan solidariti dan tindak balas bersepadu terhadap cabaran kesihatan dan kemanusiaan dalam kalangan negara-negara anggota.

Dalam pada itu, persidangan tersebut telah pun meluluskan empat resolusi kesihatan iaitu Extension of the OIC Strategic Health Programme of Action (2014-2023) for Two Years 2025-2027; Healthy Life Style, Prevention and Control of Communicable and Non-Communicable Diseases, and Health Emergencies and Disaster; Maternal and Child Health and Nutrition; dan Self-Reliance in Supply and Production of Medicines, Vaccines and Medical Technologies.

Selain itu, persidangan juga telah bersetuju untuk meluluskan Deklarasi Amman (Amman Declaration) yang antara lain, telah menghuraikan persetujuan-persetujuan bagi jaminan akses yang saksama kepada perkhidmatan penting, pengurangan kematian pramatang disebabkan penyakit tidak berjangkit sebanyak satu pertiga menjelang 2030 dan mengekalkan tindakan menangani penyakit berjangkit melalui imunisasi.

Selain itu, mengurangkan kadar kematian ibu-ibu dan anak damit yang boleh dicegah, mengukuhkan keupayaan penyelidikan, mengguna pakai kesihatan digital kesihatan dan

solusi berdasarkan Kecerdasan Buatan (AI), menangani impak perubahan iklim kepada kesihatan, mempromosikan pendekatan One Health, mendukung pengeluaran tempatan dan pemindahan teknologi di dalam memastikan akses kepada ubat ubatan, diagnostik dan vaksin yang berkualiti serta pengukuhan sistem pemantauan dan pengesanan awal.

Seterusnya, deklarasi tersebut menyeru bagi penamatan konflik di Negara-negara OIC, memastikan hak pelarian untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan asasi dan kecemasan, mempromosikan pemantauan persekitaran dan rehabilitasi infrastruktur kesihatan serta mempromosikan cara hidup sihat.

Selain daripada itu, deklarasi juga menyuarakan kebimbangan yang mendalam mengenai krisis kesihatan dan kemanusiaan di Palestin terutama Gaza dan mengutuk pembinaan sistem kesihatan oleh tentera penjajah Israel, mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan pekerja kesihatan dan sasaran kepada kemudahan kesihatan serta menyeru bagi penghentian tindakan tersebut.

Deklarasi juga menyuarakan bagi mempercepatkan penghantaran bantuan kemanusiaan dan perubatan, serta perlindungan penuh kepada orang awam, pekerja kesihatan dan kemudahan kesihatan berdasarkan perundangan



kemanusiaan antarabangsa.

Semasa di Amman, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah berkesempatan untuk mengadakan perbincangan dua hala bersama Menteri Kesihatan Kerajaan Hasyimiah Jordan, Yang Berhormat Dr. Ibrahim Bdour dan juga Menteri Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia, Somalia, Yang Berhormat Dr. Ali Haji Adam Abubakar khususnya bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan di negara masing-masing serta meninjau bagi pelaksanaan kerjasama dalam bidang kesihatan antara kedua-dua buah negara.

Penyertaan NBD sebagai negara ahli kepada OIC di persidangan tersebut menunjukkan komitmen dan sokongan negara dalam sama-sama menyumbang kepada usaha mempertingkatkan perkembangan status kesihatan serta kesejahteraan penduduk di peringkat negara-negara Islam, serantau dan global.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Persidangan Menteri-menteri Kesihatan Negara-negara Islam Sesi Ke-8 yang diadakan pada 7 hingga 9 Oktober di Amman, Kerajaan Hasyimiah Jordan (atas dan kanan).

>> Muka 1

Persidangan yang telah dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Kerajaan Hasyimiah Jordan, Yang Berhormat Dr. Ibrahim Bdour telah membincangkan dan menyelaraskan dasar-dasar kesihatan, berkongsi pengalaman serta mempromosikan kerjasama dalam bidang seperti kesihatan awam, persediaan pandemik, penyakit-penyakit tidak berjangkit, kesihatan digital, penyelarasan regulatori dan akses kepada ubat-ubatan, dengan fokus perbincangan mengenai beberapa perkara iaitu memperkukuh

keselamatan kesihatan dan persediaan menghadapi pandemik dalam kalangan Negara-negara Anggota OIC.

Perbincangan juga menumpukan kepada memajukan kerjasama dalam pencegahan penyakit tidak berjangkit, termasuk penekanan terhadap kesihatan paru-paru; meningkatkan kesihatan digital dan penggunaan penyelesaian inovatif untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan; memperkuat penyelarasan regulatori dan akses kepada ubat-ubatan, termasuk kerjasama teknikal dalam kalangan pihak berkuasa negara.

Selain itu, menggalakkan inisiatif

KOMITED MENDUKUNG KEPELBAGAIAN EKONOMI, PERKUKUH PERTUMBUHAN MAMPAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - SOLVE.One. Fix. Company diumumkan sebagai pemenang utama dalam Kategori Startup pada Majlis Anugerah Perniagaan Shell LiveWIRE Brunei Ke-18, yang berlangsung di Tarindak D'Seni, di ibu negara.

Syarikat tempatan yang membawa pulang hadiah wang tunai BND10,000 serta trofi tersebut diiktiraf atas sumbangan mereka dalam memperkasa penjagaan kesihatan mampan melalui pendekatan *repair-first* dan pengurusan inventori pintar bagi peralatan perubatan.

Tempat kedua diraih oleh RR Cationsmith iaitu sebuah jenama perabot haiwan peliharaan premium yang menampilkan produk berasaskan kelestarian dan kualiti kerja tempatan, dengan membawa pulang hadiah BND7,000 dan trofi.

Sementara itu, New Wave Films iaitu syarikat produksi yang mengubah kisah tempatan kepada kandungan bertaraf antarabangsa melalui sinematografi dan

pasca-produksi berkualiti tinggi, memenangi tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah BND5,000 juga trofi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Yang Berhormat dalam ucapannya berkata, walaupun Shell LiveWIRE telah menyediakan latihan dan pengiktirafan, para usahawan turut memerlukan bimbingan berterusan, sokongan pensijilan praktikal serta akses yang lebih kukuh kepada rangkaian serantau di luar negara.

"Ini merupakan beberapa bidang peluang yang konstruktif untuk kita semua terus bekerjasama bagi meningkatkan lagi peranan belia dan syarikat pemula dalam ekosistem keusahawanan kita," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menzahirkan keyakinan bahawa melalui kerjasama rapat antara Shell

LiveWIRE, agensi kerajaan dan sektor swasta, kita dapat memastikan semangat keusahawanan bukan sahaja dinyalakan tetapi juga dipupuk dan diperkukuh yang seterusnya mendorong wawasan jangka panjang negara ke hadapan.

Yang Berhormat menambah, usaha para usahawan bukan sahaja mewujudkan pekerjaan dan membuka peluang baharu tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi lebih pelbagai dan berdaya tahan, yang membawa kita semakin dekat kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dalam ucapan alu-aluan, Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohd Erwan bin Mohd Said menggariskan mengenai kepentingan anugerah berkenaan dalam mengukuhkan ekosistem syarikat pemula di negara ini.

Beliau menjelaskan bahawa Shell LiveWIRE Brunei, sebagai rakan kepada Brunei Innovation Lab dan sebahagian daripada platform Startup673, terus membantu syarikat pemula, melalui anugerah tersebut, bagi menilai hala tuju pertumbuhan

mereka sama ada memperluas pasaran, memperkukuh operasi atau membina daya tahan melalui bimbingan dan jaringan industri.

Anugerah pada tahun ini menyaksikan seramai 27 buah syarikat baharu diraikan atas kemajuan mereka dalam pelbagai peringkat pertumbuhan bermula peringkat awal dan produk berdaya maju minimum (MVP) hingga ke tahap perniagaan yang menjana pendapatan.

Majlis itu turut menunjukkan komitmen Shell LiveWIRE Brunei dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 melalui usaha mempelbagaikan ekonomi, memperkukuh pertumbuhan mampan dan mencipta peluang pekerjaan.

Menjelang majlis penganugerahan, Shell LiveWIRE Brunei telah menganjurkan sesi Perkongsian Pengetahuan Industri (IKS) sepanjang bulan Julai.

Inisiatif tersebut direka untuk menghubungkan syarikat pemula dengan pakar industri melalui dialog dan perkongsian pengetahuan praktikal yang bertujuan bagi mencetuskan idea baharu dan memperluas

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai bersama para penerima pada Majlis Anugerah Perniagaan Shell LiveWIRE Brunei Ke-18.

pemahaman para peserta mengenai sektor berbeza.

Ketua Rangkaian Perniagaan dan Projek Shell LiveWIRE Brunei, Aziemah Daud, berkata, segmen baharu itu diwujudkan bagi menggalakkan pertukaran pengalaman sebenar antara peserta dan profesional berpengalaman dalam pelbagai bidang industri.

Menurutnya, perbincangan bersama para peserta itu bertujuan untuk memupuk dialog, mencetuskan idea dan memahami secara mendalam cabaran dan peluang dalam industri berbeza.

Majlis diakhiri dengan ucapan daripada Pengarah Program Shell LiveWIRE Brunei, Awang Abdul Qawiem bin Yacob, yang mengulangi komitmen organisasi berkenaan untuk terus menyokong syarikat pemula selepas pertandingan melalui pelbagai program seperti Awareness & Ideation; Early Stage, Growth dan peluang dalam platform global seperti Shell LiveWire Top Ten Innovators.

Beliau turut menyatakan bahawa Shell LiveWIRE Brunei sedang bekerjasama dengan rakan global untuk menambah baik program berasaskan bukti mereka.

"Kami sedang menilai kes penggunaan yang terbukti berkesan dari seluruh rangkaian Shell LiveWIRE dan menyesuikannya untuk negara ini supaya menjelang acara Shell LiveWire Top Ten Innovators yang seterusnya, para pengasas tempatan mempunyai platform yang lebih kukuh untuk mengembangkan perniagaan mereka," katanya.

Semarakkan rasa syukur atas nikmat keamanan, kemajuan BSB

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Sebagai tanda kesyukuran dan penghormatan kepada detik bermakna dalam sejarah negara, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Ratib Al-Attas, Selawat Tafrijiyyah dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Bagi Tahun 2025, bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Mohd. Hasnal bin Haji Mohamad, diikuti dengan

bacaan khatam beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Hadif Nazhan bin Idris, pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Manakala, bacaan Takhtim dan Ratib Al-Attas pula dipimpin oleh Awang Mohd. Hasnal.

Sementara Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Salleh, pelajar dari ITQSHHB.

Manakala Selawat Tafrijiyyah kemudiannya dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Acara juga diserikan lagi dengan Dikir Marhaban oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Khatam Al-Quran, Ratib Al-Attas, Selawat Tafrijiyyah dan Doa Kesyukuran.

Murat; dan Doa Peliharakan Sultan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran.

Majlis antara lain diadakan untuk menyemarakkan lagi rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat keamanan dan kemajuan bandar ini.

Bandar Brunei secara rasminya telah dinamakan Bandar Seri Begawan pada 4 Oktober 1970, sebagai penghormatan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang dikenali sebagai Seri Begawan setelah



baginda turun takhta. Sambutan tahun ini menandakan hari ulang tahun yang ke-55 penukaran nama berkenaan.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara mewakili daerah-daerah, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan

kakitangan-kakitangan KHEDN serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung seluruh negara, Majlis-majlis Perundingan Kampung (MMPK), Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Jawatankuasa Takmir Masjid, Badan-badan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dalam sama-sama menyemarakkan suasana keagamaan dan memperkukuh ukhuwah sesama warga bandar.

MOU PERKUKUH KERJASAMA BINA TENAGA KERJA MAHIR, BERDAYA SAING

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah Negara Brunei Darussalam (BoVEA).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah Negara Brunei Darussalam (BoVEA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) ke arah memperkukuh

latihan, perkongsian pengetahuan, penempatan pelajar serta pengiktirafan kelayakan profesional dalam sektor hartanah dan penilaian, hari ini.

Hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan yang berlangsung di Radisson Hotel itu

ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

MoU tersebut ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian

Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak bagi pihak BoVEA, manakala Pengarah Pendidikan Teknikal, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IBTE mewakili bagi pihak IBTE.

Dalam ucapannya, Dr. Haji Mohd. Zamri menekankan bahawa walaupun teknologi termasuk Kecerdasan Buatan (AI) terus berkembang, tenaga profesional yang berkemahiran tetap penting bagi memastikan amalan industri yang beretika dan boleh dipercayai.

Kerjasama yang diperbaharui ini jelasnya, berasaskan MoU tahun 2019 dan mengukuhkan lagi komitmen kedua-dua institusi dalam melahirkan tenaga kerja berdaya saing serta bersedia menghadapi masa depan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

"Di bawah perjanjian ini, IBTE dan BoVEA akan menganugerahkan sijil kepada pelajar dan profesional yang akan diiktiraf oleh Kementerian Pembangunan, seterusnya

dijadikan sebagai kriteria bagi pendaftaran dan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) di bawah BoVEA," ujarnya.

Beliau menambah, IBTE mengiktiraf bahawa pembinaan tenaga kerja mahir yang bersedia menghadapi masa depan bergantung pada kerjasama erat dengan agensi kerajaan dan rakan sektor swasta.

"MoU ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing, inovatif dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan industri.

"Melalui perkongsian ini, kami menyediakan ilmu pengetahuan, latihan dan pengalaman praktikal yang diperlukan bagi memenuhi kehendak industri. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, kami berusaha melahirkan rakyat Brunei yang dinamik, kompetitif dan berdaya tahan, bersedia untuk cemerlang dalam tenaga kerja global serta memanfaatkan inovasi untuk memacu kemajuan negara," terang Dr. Haji Mohd. Zamri.

Mewujudkan sokongan kesihatan mental, psikososial komprehensif

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan bahawa pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai rakan kongsi global yang lain dalam merayakan Hari Kesihatan Mental Sedunia dengan memberi fokus kepada tema yang dipilih oleh Persatuan Kesihatan Mental Sedunia iaitu 'Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Ketika Menghadapi Musibah dan Kecemasan'.

Musibah dan kecemasan, tambah Yang Berhormat, bukan sahaja meliputi bencana alam, konflik atau krisis kesihatan awam tetapi juga termasuk krisis peribadi seperti mengalami kebakaran, kemalangan dan masalah kesihatan fizikal.

Kongsi Yang Berhormat lagi, tema ini mengingatkan kita bahawa di tengah-tengah krisis atau sebarang musibah, keadaan minda, emosi dan semangat manusia adalah antara perkara yang paling mudah terjejas atau terkesan.

"Beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan dengan jelas betapa mudahnya kesejahteraan mental terganggu apabila menghadapi cabaran yang luar biasa. Kita telah menyaksikan bagaimana krisis pandemik COVID-19 telah menyebabkan tekanan psikologi yang meluas termasuk trauma, kebimbangan dan keresahan yang menjejaskan bukan hanya individu, bahkan keluarga dan juga seluruh masyarakat.

"Perkara ini telah dapat dilihat melalui statistik panggilan Talian Harapan 145, di mana peningkatan jumlah panggilan berkaitan isu COVID-19 sepanjang tempoh pandemik adalah selari dengan fasa penularan yang berlaku di negara kita waktu itu, yang mencerminkan kesan psikososial semasa negara menghadapi krisis," ujar Yang Berhormat pada perutusannya sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 pada 10 Oktober 2025.

Maka jelas Yang Berhormat, tema Sambutan Hari Kesihatan

Mental Sedunia pada tahun ini adalah satu seruan untuk menekankan kepentingan dan memberi keutamaan terhadap kesihatan mental dalam penggubalan setiap pelan tindakan kecemasan negara.

Tambah Yang Berhormat lagi, ia adalah merupakan strategi penting bukan sahaja dalam menyelamatkan nyawa, malah dalam memperkukuhkan semula struktur masyarakat kepada yang lebih berdaya tahan dan kita perlu mengakui dan menyedari bahawa kesan psikologi akibat krisis atau bencana adalah tindak balas yang normal dan ia boleh menjejaskan sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang atau tahap kedayatanganan mereka.

"Walaupun kebanyakan individu mampu pulih dengan sokongan dan dorongan positif, sebahagian yang lain mungkin mengalami keclaruan mental seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*) atau *post-traumatic stress disorder* yang memerlukan rawatan daripada profesional kesihatan.

"Oleh itu, adalah sangat penting untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan penjagaan yang bersepadu, di mana perkhidmatan kesihatan mental adalah mudah diakses dalam perkhidmatan kesihatan asasi dan juga dalam penjagaan sosial.

"Pencegahan dan persediaan juga perlu diberi keutamaan dalam kesiapsiagaan menghadapi dan menangani apa jua kesukaran yang lahir daripada bencana atau situasi kecemasan, selaras dengan tuntutan Maqasid Syariah di mana salah satu komponen utamanya adalah tuntutan memelihara akal," jelas Yang Berhormat.

Dalam konteks ini, ujar Yang Berhormat, langkah-langkah memperkasakan penjagaan kesihatan mental mangsa-mangsa serta pekerja barisan hadapan yang terlibat dalam membantu, merawat dan menyelamatkan mangsa bencana atau kecemasan adalah amat penting.

Kita terangnya, perlu memastikan wujudnya sokongan kesihatan mental dan psikososial yang komprehensif, dengan tenaga kerja yang terlatih serta

garis panduan yang jelas dalam strategi pengurangan risiko bencana negara kita.

Selain daripada itu, tambah Yang Berhormat lagi, ia adalah juga penting untuk kita memupuk budaya empati, keprihatinan dan keterbukaan agar orang ramai berasa selamat untuk mendapatkan bantuan tanpa rasa takut terhadap penghakiman dan diskriminasi, di samping menggalakkan perbualan terbuka mengenai kesihatan mental.

Yang Berhormat menyatakan salah satu langkah yang telah dicadangkan oleh Persatuan Kesihatan Mental Sedunia adalah untuk melibatkan pemimpin dan ketua-ketua masyarakat dalam menambah kemahiran semua agar dapat memberi sokongan kepada mangsa-mangsa bencana atau kecemasan.

"Sehubungan itu, Alhamdulillah sejak tahun 2024 sehingga kini, Kementerian Kesihatan dengan usaha sama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengadakan Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk pemimpin masyarakat termasuk imam, ustaz, da'ie yang bertauliah, ketua-ketua kampung dan penghulu mukim.

"Adalah diharapkan kemahiran yang dipelajari oleh ketua-ketua dan para pembimbing masyarakat ini dapat diguna pakai untuk memberi sokongan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan, termasuklah sentiasa siap siaga dan bersedia membantu dalam keadaan kecemasan atau bencana," ujar Yang Berhormat.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan bersama dengan pihak berkepentingan yang lain juga sedang menyediakan Program Latihan Psychological First Aid (PFA) dan Latihan Mental Health First Aid (MHFA). Kedua-dua program ini adalah pendekatan yang berasaskan bukti yang dibina berdasarkan konsep kedayatanganan manusia.

Kongsi Yang Berhormat, ia bertujuan untuk mengurangkan gejala tekanan psikologi dan membantu dalam pemulihan yang

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

sihat, setelah mengalami cabaran seperti bencana alam, kecemasan atau krisis peribadi.

Latihan PFA dan MHFA ini tambahnya, dicipta untuk kegunaan orang awam yang bukan ahli profesional kesihatan. Sama seperti Latihan Pertolongan Cemas (First Aid Training), pertolongan PFA dan MHFA itu cuma diberikan pada peringkat awal sebelum diambil alih oleh ahli profesional kesihatan. Ia adalah sangat penting supaya semua orang awam mempunyai kemahiran di dalam kedua-dua latihan ini.

"Latihan PFA dan MHFA ini juga membantu untuk memenuhi salah satu tindakan yang diutamakan di bawah Strategi 2 daripada Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022 - 2025.

"Akhir kata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan, dengan sokongan kementerian-kementerian yang lain berserta pihak-pihak berkepentingan seperti NGOs berkaitan, melalui Whole of Government dan Whole of Nation adalah komited untuk mengukuhkan infrastruktur

kesihatan mental dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan penduduk semasa situasi krisis," terang Yang Berhormat.

Kerajaan terang, Yang Berhormat lagi akan terus bekerjasama dengan masyarakat dan rakan kongsi dalam sektor awam serta swasta untuk memastikan bahawa apabila suatu bencana melanda, sokongan kesihatan mental adalah serta-merta dan teguh seperti mana-mana bentuk bantuan kecemasan yang lain.

Kerajaan NBD juga jelas Yang Berhormat, komited untuk membina masyarakat yang lebih berdaya tahan bukan sahaja boleh pulih daripada krisis tetapi juga bertambah kuat melalui sokongan dan persefahaman bersama.

Sebelum mengakhiri perutusan, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk menggunakan Hari Kesihatan Mental Sedunia ini untuk memperbaharui komitmen terhadap kesihatan mental sebagai satu hak asasi manusia dan melengkapkan rakyat dan penduduk negara kita untuk menghadapi sebarang cabaran dengan empati dan prihatin.



HARI Kesihatan Mental Sedunia dengan memberi fokus kepada tema yang dipilih oleh Persatuan Kesihatan Mental Sedunia iaitu 'Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Ketika Menghadapi Musibah dan Kecemasan'.

MEMBINA EKOSISTEM PENDIDIKAN BERDAYA TAHAN, INKLUSIF



DEKAN Fakulti Pendidikan Sains dan Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat dalam ucapan alu-aluannya.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Rabu, 8 Oktober. – Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 diungkuayahkan bagi mendukung pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation dalam membangunkan individu, masyarakat dan negara melalui perkongsian kepakaran, pengalaman dan disiplin ilmu kependidikan secara kolaboratif dan interaktif.

Dalam konteks dunia moden, di mana Kecerdasan Buatan (AI) telah mengambil tempat pada hari ini, maka 'Menjana Semula Pendidikan Untuk Masa Depan Yang Dinamik' perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Dekan Fakulti Pendidikan Sains dan Kemasyarakatan, Kolej Universiti



Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pembukaan Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Berucap selaku Pengerusi Bersama persidangan tersebut, Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri menjelaskan, menjana semula pendidikan berlaku dengan meneroka dan memperbaharui aspek-aspek kependidikan yang melibatkan pembaharuan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi, latihan guru dan cara penilaian pelajar, agar generasi masa depan bersedia menghadapi perubahan dan cabaran dunia moden dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan.

Menurutnya lagi, ini bertujuan untuk menjadikan pendidikan lebih berkesan, inklusif, dan responsif kepada keperluan semasa dan

masa depan, lebih-lebih lagi, di dunia masa hadapan yang sentiasa berubah.

"Namun di masa yang sama, aspek nilai dan kemurnian pendidikan kebangsaan berteraskan Melayu Islam Beraja serta selari dengan Wawasan Brunei 2035 tetap menjadi asas.

"Matlamat utama persidangan ini adalah memberikan platform kepada para pendidik untuk berkongsi, membincangkan dan meneroka pandangan berasaskan bukti mengenai amalan pedagogi inovatif terkini, bagi meningkatkan prestasi guru dan pelajar ke arah membina ekosistem pendidikan yang berdaya tahan, serta memupuk guru dan pelajar yang bersedia untuk masa depan," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Acara juga mendengarkan penyampaian ucapnama bertajuk 'Reimagining Education: Why Now

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Hari Guru.

is the Time?' oleh Profesor dalam Kepimpinan Pendidikan, Fakulti Pendidikan dari University of Melbourne, Profesor Pasi Sahlberg.

Dalam kertas kerjanya, Profesor Sahlberg membentangkan hujah mengenai keperluan melaksanakan perubahan berasaskan data antarabangsa yang menggambarkan pelbagai cabaran sistematik yang dikenal pasti dalam sistem pendidikan masa kini.

Beliau turut memperkenalkan konsep 'Paradoks AI' yang signifikan, menekankan risiko 'mendidik robot kelas kedua'. Dalam konteks ini, beliau mengetengahkan keperluan peralihan daripada pendekatan tradisional 'pengajaran sebagai transmisi' kepada model pendidikan yang lebih transformatif, sekali gus memupuk rasa kekitaan, rasa ingin tahu dan kreativiti dalam kalangan pelajar.

Sesi pagi diakhiri dengan sesi Learning Circle bersama penyampai ucapnama. Manakala sesi petang diteruskan dengan bengkel bertajuk 'The Playful Classroom: Fostering Creativity and Critical Thinking in the Digital Age' yang dikendalikan oleh penyampai ucapnama, Profesor Pasi Sahlberg.

Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025, dianjurkan bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengurusan Pendidikan, Institut Pendidikan Sultan

Hassanal Bolkiah (IPSHB) dan KUPUSB.

Seramai 600 peserta dan tetamu menghadiri persidangan tersebut, yang terdiri daripada para pendidik dari semua sekolah kerajaan dan swasta, serta wakil institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Antara tujuan persidangan ini adalah bagi memacu transformasi pendidikan yang berkualiti dan lestari dengan menyediakan platform dinamik kepada para pendidik untuk berkongsi wawasan berasaskan bukti serta amalan pedagogi inovatif.

Persidangan ini memfokuskan perbincangan kepada 29 sub-tema yang dikategorikan di bawah tiga teras utama iaitu 'Memperkasakan Pelajar untuk Masa Depan', 'Meningkatkan Ekosistem Pendidikan' dan 'Pembangunan Sumber Manusia'.

Hari kedua persidangan akan diteruskan dengan penyampaian ucapnama bertajuk 'Artificial Intelligence in Islamic Education / Malaysia Madani' oleh Timbalan Rektor dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Fauzan, yang akan meneroka integrasi Kecerdasan Buatan dalam pendidikan Islam berteraskan nilai.

Persidangan akan disusuli dengan sesi Learning Circle, diikuti dengan 70 pembentangan kertas penyelidikan selari, 10 bengkel interaktif dan 10 pameran poster digital (e-poster).

Hasil persidangan tahun ini diharapkan dapat memperkasakan guru-guru sebagai pemangkin perubahan, selari dengan usaha ke arah transformasi pendidikan yang berteraskan nilai dan berpusatkan insan (*human-centric*) di NBD.

Memajukan Komuniti ASEAN, memperkukuhkan kerjasama bersama



MESYUARAT dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam.

SELANGOR, Khamis, 9 Oktober. – Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Ke-34 (34th ASCC Council Meeting) telah diadakan pada 8 Oktober 2025 di Sunway Convention Centre, Selangor, Malaysia.

Mesyuarat yang dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenaan telah dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Tiong King Sing sebagai

Pengerusi ASCC 2025, di bawah tema 'Keterangkuman dan Kemampanan' (Inclusivity and Sustainability).

Semasa mesyuarat tersebut, Menteri-menteri ASCC telah membincangkan keutamaan ASEAN bagi tahun 2025, dalam usaha untuk memajukan Komuniti ASEAN serta memperkukuhkan kerjasama bersama.

Para Menteri ASCC berpuas hati dengan kemajuan berterusan yang dicapai setelah pengesahan ASCC Strategic Plan, khususnya dalam penetapan penunjuk berasaskan hasil (*results-based indicators*), sasaran dan garis asas Pelan Strategik tersebut, dengan

sokongan daripada Badan-badan Sektorial ASCC.

Langkah ini akan meningkatkan lagi penyelarasan pelan-pelan kerja badan-badan sektorial, dan memperkukuhkan penggunaan data dalam membuat keputusan berasaskan bukti serta memastikan pengajaran lalu akan membimbing strategi serta inisiatif akan datang.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menekankan bahawa di sebalik rangka kerja, indikator-indikator dan matriks, apa yang lebih penting bagi rakyat ASEAN adalah perbezaan terhadap kehidupan mereka, melalui penanda kejayaan, seperti melalui sistem perlindungan sosial yang lebih kukuh, serta membuka lagi peluang bagi wanita dan belia.

Menteri-menteri ASCC juga telah menegaskan semula komitmen untuk memperkukuhkan pelaksanaan inisiatif rentas-tonggak dan rentas-sektoral serta memperluaskan penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan.

Dalam hal ini, Menteri-menteri ASCC seterusnya mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam pembangunan Strategy Playbook on Promoting an Adaptive ASEAN Community of Greater Understanding, Tolerance and a Sense of Regional Agendas among the Peoples of ASEAN, satu inisiatif yang diterajui oleh NBD.

Sebagai tanda sokongan kepada Pengerusi Malaysia bagi 2025, Menteri-menteri ASCC telah bersetuju untuk menghadapi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Dokumen-dokumen Hasil ASCC kepada Ketua-ketua Negara / Kerajaan ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47, termasuk Melaka Declaration on Cultural Heritage Value Creation, ASEAN Leaders' Declaration on Higher Education: Towards an Inclusive, Sustainable and Prosperous ASEAN, Kuala Lumpur Declaration on Safe and Responsible Use of Social Media Platforms for ASEAN, Bandar Seri Begawan Declaration to Reaffirm the ASEAN Ministers Responsible for Information's Commitment to Strategic Progress in Media and Information serta ASEAN Joint Statement on Climate Change to the United Nations Climate Change Conference (UNFCCC-COP30).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut menyertai Menteri-menteri ASCC yang lain dan wakil-wakil sebagai ahli panel dalam ASCC High-Level Forum 2025 yang telah diadakan pada 7 Oktober 2025.

Forum yang julung kalinya diadakan ini telah menjadi platform penting bagi berkongsi pencapaian serta membincangkan hala tuju bagi bidang-bidang keutamaan ASCC berdasarkan pengajaran dan kejayaan pelaksanaan ASCC Blueprint 2025.

Di bawah tema 'Fostering Youth Empowerment and Unlocking Investment for Climate Action and Cultural Creative Industries', Yang Berhormat juga mengongsikan

bagaimana kerjasama sukan ASEAN memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan keharmonian serantau dengan menggalakkan semangat kesukanan antara negara, menyatukan masyarakat dan memupuk disiplin dan daya tahan belia.

Yang Berhormat juga menekankan potensi kerjasama sukan dalam memperkukuhkan identiti ASEAN, seperti melalui mengangkat sukan-sukan tradisional ASEAN ke peringkat antarabangsa dan seterusnya mempamerkan gaya hidup serta warisan budaya ASEAN.

Mesyuarat Majlis ASCC Ke-34, telah diadailah oleh Mesyuarat Senior Officials' Committee for ASEAN Socio-Cultural Community Ke-39 (SOCA) yang telah diadakan pada 7 Oktober 2025.

Semasa mesyuarat-mesyuarat berkenaan, para Menteri ASCC juga dijemput untuk melawat ASEAN Arts and Crafts Bazaar 2025, yang disertai oleh lebih 30 peserta daripada Negara-negara Ahli ASEAN, termasuk daripada NBD.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari selaku Ketua SOCA NBD dan Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Membincangkan masa depan penjagaan kesihatan, inovasi digital, penuaan sihat



BERANGKAT ke majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Kementerian Kesihatan, Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre-JPMC) dan Gleneagles JPMC menganjurkan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD) 2025, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Pameran dan persidangan berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha negara untuk menangani cabaran NCD yang semakin meningkat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pameran dan persidangan berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, selaku Pengerusi Bersama.

Berangkat ke majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub.

Pada majlis berkenaan, Pengarah The Brunei Cancer Centre (TBCC), Dr. Haji Muhammad Syafiq bin Abdullah dalam ucapan alu-aluannya

menjelaskan bahawa pameran dan persidangan berkenaan adalah untuk menyokong usaha negara dalam menangani NCD seperti penyakit jantung, strok, diabetes, kanser dan masalah pernafasan.

Jelasnya lagi, dengan sokongan semua pihak, Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD 2025 kini menjadi salah satu acara pameran dan persidangan kesihatan terbesar di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Persidangan NCD ini tambahnya, membawakan lebih daripada 150 penceramah dari dalam dan luar negara dan salah seorang daripadanya adalah wakil dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang membincangkan tentang masa depan penjagaan kesihatan, inovasi digital, penuaan sihat dan kesan ekonomi NCD.

"Pakar-pakar jemputan lain juga

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan selaku Pengerusi Bersama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

memberikan pendekatan dalam bidang-bidang tertentu seperti obesiti, kanser, strok, kesihatan mental, kesihatan jantung, pemakanan dan banyak lagi," ujarnya lagi.

Persidangan lima hari berkenaan menampilkan lebih 150 penceramah termasuk wakil daripada WHO yang membincangkan pelbagai topik seperti inovasi kesihatan digital, penuaan sihat, obesiti, kanser, strok, kesihatan mental dan pemakanan.

Pameran berkenaan turut disertai lebih 40 organisasi dan syarikat, menawarkan pelbagai aktiviti interaktif, pemeriksaan kesihatan percuma, serta aktiviti berkaitan kesejahteraan.

Para pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai juadah daripada lebih 20 vendor tempatan sepanjang minggu berkenaan.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan melalui Khidmat Ugama turut melancarkan sebuah buku bertajuk 'Ustaz... Ustazah...'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Kan Betanya'. Pelancaran buku berkenaan diserikan dengan Majlis Menandatangani Perjanjian bersama Ketua Pegawai Sumber Manusia Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Dayang Sharifah Ratna binti Syed Abd. Rahim, bagi pihak Pengarah Urusan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, serta tetamu kehormat majlis, yang menyerahkan kerjasama antara institusi awam dan rakan kongsi swasta.

Penerbitan berkenaan mencerminkan komitmen kementerian dalam mengintegrasikan penjagaan rohani sebagai sokongan kepada pesakit, berfungsi sebagai panduan praktikal untuk pesakit buah pinggang, keluarga mereka dan penyedia penjagaan kesihatan.

Penganjuran berkenaan turut mengiktiraf sumbangan bernilai daripada para penaja, rakan kongsi, dan ahli jawatankuasa yang

telah memainkan peranan penting dalam menjayakan acara berkenaan.

Kerjasama erat antara pelbagai pihak berkenaan mencerminkan komitmen bersama dalam menyokong visi NBD ke arah masyarakat yang lebih sihat melalui pencegahan, pendidikan, dan inovasi dalam penjagaan kesihatan.

Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD 2025 juga berperanan sebagai peringatan kepada orang ramai agar sentiasa mengambil langkah proaktif untuk menjaga kesihatan, dengan mengamalkan pemakanan sihat, kekal aktif secara fizikal, dan mengamalkan gaya hidup yang seimbang.

Orang awam digalakkan untuk mengunjungi pameran dan menyertai pelbagai aktiviti serta sesi pendidikan sepanjang minggu bagi menyokong usaha berterusan negara dalam memerangi penyakit tidak berjangkit.



PERASMIAN MESYUARAT BMJCT PERTAMA



MEMPENGERUSIKAN bersama bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Perasmian Mesyuarat 1st Brunei Darussalam - Malaysia Joint Committee for Cooperation in the Field of Transport (BMJCT) telah diadakan pada 8 Oktober 2025 melalui persidangan video.

Mempengerusikan bersama bagi pihak Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Setiausaha Tetap

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof. Sementara Ketua Setiausaha (KSU) di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran Muniyan selaku Pengerusi Bersama bagi pihak Malaysia.

Dalam ucapan pembukaannya,

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri menekankan bahawa kerjasama dan hubungan rapat di antara NBD dan Malaysia, khususnya dalam sektor pengangkutan, yang memperkukuhkan hubungan ekonomi dan mempermudah pergerakan orang dan kargo di antara kedua-dua negara.

Ini tambahnya, adalah melalui inisiatif seperti penandatanganan

Perjanjian Perkhidmatan Udara baharu pada tahun 2023, pengoperasian perkhidmatan feri Serasa - Labuan serta perkembangan prasarana jalan raya yang meningkatkan perjalanan di dalam negara dan merentas sempadan, yang mencerminkan matlamat bersama untuk meningkatkan perhubungan di antara kedua-dua buah negara.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri seterusnya menekankan kepentingan kesalinghubungan kedua-dua buah negara bagi mengukuhkan kedudukan serantau, melalui fora seperti ASEAN, BIMP-EAGA, International Civil Aviation Organization (ICAO) dan International Maritime Organization (IMO).

BMJCT ini ditubuhkan berikutan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia mengenai kerjasama di dalam bidang Pengangkutan pada 26 Ogos 2024 bersempena Konsultasi Ketua-ketua Negara Ke-25 di Bandar Seri Begawan.

Objektif Jawatankuasa Bersama antaranya adalah bagi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

membincangkan kerjasama termasuk memudahkan pergerakan barangan dan penumpang, teknologi dan inovasi pengangkutan dan logistik.

Semasa Mesyuarat Pertama ini, BMJCT telah meluluskan Terma Rujukan (TOR) serta Pelan Kerja untuk Tahun 2026 yang akan membimbing Jawatankuasa Bersama serta ahli-ahlinya untuk melaksanakan objektif MoU.

Mesyuarat telah bertukar-tukar pendapat, maklumat serta amalan terbaik daripada perkembangan dasar pengangkutan terkini, termasuk inisiatif-inisiatif pendigitalan, dan seterusnya akan menerokai peluang kerjasama di antara NBD dan Malaysia untuk menangani isu-isu berbangkit.

Turut hadir bersama sebagai ahli kepada Jawatankuasa Bersama bagi pihak NBD ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Pemangku Pengarah Penerbangan Awam; Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat; Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan dari MTIC serta agensi-agensi di bawahnya.

CERAMAH, TAKLIMAT KETENGAHKAN KEPENTINGAN PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 (atas), manakala gambar kiri, Forum Mental Health Journeys and Voices of Experience : Stories of Resilience and Hope disampaikan oleh Penceramah Motivasi Islam dari Singapura, Shameem Sultanah.

BERAKAS, Jumaat, 10 Oktober. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, Perkhidmatan Psikiatri dan Perkhidmatan Psikologi hari ini mengunyahkayahkan acara Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Beberapa sesi ceramah dan taklimat telah diadakan hari ini serta pembedaan yang berkaitan dengan kesihatan mental dan kepentingan penjagaannya.

Antara acara yang mendapat sambutan orang ramai adalah

Forum Mental Health Journeys and Voices of Experience : Stories of Resilience and Hope yang disampaikan oleh Penceramah Motivasi Islam dari Singapura, Shameem Sultanah.

Dalam forum tersebut, beliau telah mengetengahkan kisah-kisah *live experience* individu-individu yang pernah mengalami masalah kesihatan mental dan mampu mengatasinya dengan sokongan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

daripada ahli-ahli keluarga, teman-teman dan masyarakat sekeliling, dan yang penting sekali, dengan semangat diri yang kuat dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini telah dijayakan sebagai salah satu

acara sampingan semasa Persidangan Antarabangsa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2025 (NCD 2025) yang telah berlangsung bermula Rabu, 8 Oktober 2025 sehingga Ahad 12 Oktober 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Akulah Juara Musim Ke-2 milik Mimi Wahab



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Darussalam Ke-79.

Beliau membawa pulang hadiah wang tunai BND3,000, trofi, sijil, penginapan dua hari satu malam tajaan The Rizqun International Hotel dan iPad Wi-Fi 256GB tajaan 99 Mobile.

Naib juara diraih oleh Muhammad Syafiq bin Awang Musa (Syafiq Moses), yang membawa pulang BND2,000, trofi, sijil dan Samsung Buds 3 tajaan 99 Mobile; manakala Nurul Syuhada binti Mustapha (Nurul Mustapha) memenangi tempat ketiga dan menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,500, trofi, sijil serta Apple Airpod 4 tajaan 99 Mobile.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Arts Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini, Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadhir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizana bin Pengiran Haji Razali dan Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada pemenang Persembahan Terbaik dan Vokal Terbaik, Mimi Wahab dengan hadiah BND1,000 bagi setiap kategori.

Sesi Uji Bakat Akulah Juara Musim Ke-2 telah diadakan pada 16 hingga 20 Julai 2025.

Hasil daripada sesi tersebut, seramai 40 orang dipilih untuk bersaing pada peringkat suku akhir.

Seterusnya, peserta-peserta yang layak dipilih dalam kalangan top 20 untuk bertanding pada peringkat separuh akhir.

Pada peringkat separuh akhir pula, seramai lapan orang peserta telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Akulah Juara Musim Ke-2 termasuk Muhd Riyyat Danyel Hakimie bin Mohd Shahjohan (Danyel Shahjohan), Siti Salwana binti Saleh (Salwana Saleh), Awangku Muhd Nur'ehsan Luqman Al-Hakeem bin Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal (Ak. Shawn), Muhammad Qamarul Hamizan bin Minor Absah (Hamizan), Mohammad Nazirul Asri bin Mohd Ali (Naz Asri).

Rancangan tersebut ditaja oleh McDonald's Brunei, Safa Bay

Coffee, Imagine Sendirian Berhad, Yippy Tune Music School, 99 Mobile Service, Wafa Hotel & Apartment, Gentlemen Stitch dan Dpicbox Photobooth, The Rizqun International Hotel dan Sehat Water.

Turut memeriahkan rancangan berkenaan ialah artis-artis tempatan seperti Auf Ismail (Juara Akulah Juara Musim Pertama), Fairuzneezan & The Pujanggas serta persembahan istimewa daripada artis jemputan kelahiran Singapura yang kini berkariyer di Malaysia dan juga merupakan juri pertandingan, Imran Ajmain.

Akulah Juara mula diterbitkan pada tahun 2018 sebagai rancangan realiti nyanyian untuk mencari bakat-bakat baharu dalam bidang seni suara.

Rancangan berkenaan adalah platform pembelajaran dan pembangunan bakat, lengkap dengan bimbingan profesional, latihan vokal serta pengukuhan kemahiran persembahan pentas.

Melalui inisiatif ini, ia turut dihasratkan untuk membentuk artis yang berwibawa dan mampu membawa nama Negara Brunei Darussalam ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Jumaat, 10 Oktober. - Nur Syamimi binti Abdul Wahab (Mimi Wahab) muncul juara Rancangan Realiti Akulah Juara Musim Ke-2 Peringkat Akhir anjuran Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei (RTB) sempena Sambutan Ulang Tahun



ANTARA yang membuat persembahan pada Akulah Juara Musim Ke-2 (kiri dan kanan).



SEDEKAH JARIAH KEBAIKAN SEPANJANG MASA

"Rahsia Pahala Berpanjangan, Walau Nyawa Terhenti"

Khamis, 17 Rabiulakhir 1447H | 9 Oktober 2025M
8.15 pagi | Pusat Insani, Seria
Daerah Belait



KUALA BELAIT, Khamis, 9 Oktober. - Forum Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Belait bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun telah diadakan pagi tadi bertempat di Pusat Insani, Seria.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Awang

Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan; pegawai dan kakitangan kerajaan; para jemputan khas; penduduk kampung di Daerah Belait; Majlis Perundingan Kampung; belia-belia masjid, Muslimah; pihak swasta;

pensyarah - pensyarah; penuntut-penuntut dari institut pengajian tinggi dan persatuan-persatuan.

Forum sempena Majlis Ilmu 2025 di Daerah Belait pada kali ini bertajuk 'Rahsia Pahala Berpanjangan, Walau Nyawa Terhenti' menekankan dan membincangkan tentang amalan bersedekah sebagai amal jariah yang kekal pahalanya walaupun seseorang itu telah meninggal dunia.

Forum tersebut telah dibentangkan oleh tiga ahli panel iaitu Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian; Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Ketua Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN),



TIMBALAN Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, Forum sempena Majlis Ilmu 2025 di Daerah Belait bertajuk 'Rahsia Pahala Berpanjangan, Walau Nyawa Terhenti'.

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

UNISSA, Dr. Hajah Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid; dan Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Manakala Penolong Pendaftar, UNISSA, Dr. Muhammad Yadi bin Haji Mat Yassin bertindak selaku moderator pada forum berkenaan.

Antara yang disentuh oleh para ahli panel pada forum berkenaan termasuklah mengenai usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang membukakan peluang kepada orang ramai bagi sama-sama mengamalkan dan memupuk budaya bersedekah

yang berpanjangan.

Pelbagai cara telah diperkenalkan dan disediakan termasuklah dalam penyaluran sumbangan sedekah bagi pembinaan masjid yang merupakan salah satu amalan jariah yang menggambarkan usaha pihak kerajaan menyeru masyarakat di negara ini untuk merebut peluang mendapatkan pahala berpanjangan.

Forum ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 600 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pegawai kerajaan, belia, ahli akademik dan masyarakat setempat.

Syiar Islam terus bersinar

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

RIMBA, Jumaat, 10 Oktober. - Dengan berkat dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Soldadu (U) Christopher Adewin bin Yahya, anggota 31 Skuadron, Cawangan No. 3 Kumpulan Gerakan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) hari ini melafazkan dua kalimah syahadah pada majlis yang diadakan di Surau

Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Turut diraikan dalam majlis ini ialah tiga anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baru-baru ini memeluk agama Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji

Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pegawai-pegawai kanan, Pegawai-pegawai ABDB dan PDI, KHEU serta anggota-anggota ABDB dan ahli keluarga anggota-anggota yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minin dari ayat 1 hingga 11 yang dibacakan oleh Soldadu (U) Masrur Fu'ad bin Haji Asmat daripada Cawangan No.5 TUDB.

Sejurus itu diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Soldadu (U) Christopher Adewin bin Yahya yang dipimpin oleh Pegawai Pengislaman, PDI Daerah Brunei dan Muara, Awang Edy Kasrin bin Abd Kadir.

Acara disemarakkan lagi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali, diikuti dengan bacaan Doa Pengislaman oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dan diakhiri dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai.

Setelah itu diteruskan dengan penyampaian cenderahati oleh Pemerintah ABDB kepada Soldadu (U) Christopher Adewin bin Yahya dan diselajurkan dengan penyampaian cenderahati kepada pegawai-pegawai dan

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba (atas kanan dan kanan).



anggota-anggota yang baru-baru ini memeluk agama Islam.

Pegawai dan anggota-anggota yang diraikan itu termasuk Leftenan Madya Afifah Syamimi binti Yanam, TLDB; Laskar Umar bin Muhammad Kamis, TLDB;

dan Soldadu (U) Hafiy Enrique bin Hamran.

Majlis diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan sesi bergambar ramai.



HALUAN

>> Muka 2

Alhamdulillah, pada tahun ini dan buat julung kalinya, akan menyaksikan penerima Anugerah Emas bagi Anugerah Inovasi Perdana. Semoga kejayaan ini akan membakar semangat dan merangsang penglibatan yang lebih aktif dalam projek-projek berprestij dan berimpak tinggi.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi mewakili semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Eksekutif Sambutan HPA Kali Ke-32, Tahun 2025, dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli ke majlis sambutan pagi ini dan di atas kurnia titah.

Demikian juga Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita mengucapkan penghargaan dan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan bermakna bagi menjayakan Majlis Sambutan HPA tahun ini dengan teratur dan semangat perpaduan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan mengurniakan rahmat dan ganjaran sebaik-baiknya. *Amin*.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan menyusun 10 jari menjunjung ampun beribu-ribu ampun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli-ahli kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat tutur kata dan sorok langkah yang kurang manis dan tertib serta apa jua kekhilafan dan kekurangan yang tidak *abis* Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sengajakan dalam menyempurnakan Majlis Kemuncak Sambutan HPA Kali Ke-32 pada pagi ini.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

MEMPERKUKUH KEDAULATAN UNDANG-UNDANG, MEMPERTINGKATKAN PENTADBIRAN KEADILAN



**Siaran Akhbar dan Foto :
Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam**

UNITED KINGDOM, Rabu, 8 Oktober. - Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang England dan

YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam ketika bersama **The Lady Chief Justice of England and Wales, The Right Honourable Dame Sue Carr.**

Wales pada Rabu, 1 Oktober 2025.

Ini merupakan kali kedua Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang di England dan Wales.

Majlis tahunan berkenaan menandakan permulaan kalendar undang-undang dan dihadiri oleh The Lady Chief Justice of England and Wales, The Right Honourable Dame Sue Carr bersama Master of the Rolls, The Right Honour Sir Geoffrey Vos serta Ketua

Bahagian, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi, selain hakim-hakim dari seluruh England dan Wales.

Turut hadir, hakim-hakim kanan dari Persekutuan Kanada, Republik Perancis, Kazakhstan, Montenegro dan Sweden.

Mewakili NBD, Ketua Hakim Mahkamah Besar menghadiri majlis berkenaan bersama Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Selepas Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang berkenaan,

Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan The Lady Chief Justice of England dan Wales di Royal Courts of Justice pada Khamis, 2 Oktober 2025.

Pada pertemuan berkenaan, mereka membincangkan bidang kerjasama kehakiman yang sedang berjalan dan berpotensi pada masa hadapan dengan tujuan untuk memperkukuh kedaulatan undang-undang, mempertingkatkan pentadbiran keadilan serta mengukuhkan warisan perundangan bersama dan hubungan erat yang berterusan antara Badan Kehakiman NBD dan England serta Wales.

NBD – UK pertingkatkan kerjasama kehakiman

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam ketika bersama **Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Hodge.**

UNITED KINGDOM, Rabu, 8 Oktober. - Mahkamah Besar United Kingdom (UK) baru-baru ini menjemput Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon untuk menghadiri Pembukaan Tahun Perundangan di London, United Kingdom pada 1 Oktober 2025 lalu.

Sehubungan itu, satu pertemuan telah diadakan antara Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD dengan Timbalan Presiden Mahkamah Besar UK, The Right Honourable Lord Patrick Hodge dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy pada 2 Oktober 2025.

Pertemuan ini merupakan lawatan balas kepada Lawatan Rasmi The Right Honourable Lord Patrick Hodge ke NBD pada bulan Februari 2025.

Semasa pertemuan tersebut, kedua-dua pihak menegaskan komitmen mereka terhadap kerjasama antarabangsa dan prinsip kedaulatan undang-undang di peringkat global. Mereka mengadakan perbincangan yang

membina mengenai kepentingan bersama berkaitan kerjasama kehakiman dan mempromosikan kedaulatan undang-undang serta menekankan kepentingan mengekalkan badan kehakiman yang bebas sebagai asas keadilan, kesaksamaan dan penyelesaian pertikaian secara aman.

Kedua-dua pihak menyatakan sokongan padu terhadap kerjasama bersama antara mahkamah mereka untuk memupuk persefahaman dan persahabatan antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Besar UK serta Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy, di mana Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy berperanan sebagai mahkamah rayuan terakhir untuk kes-kes sivil di NBD.

Mereka mengakui bahawa jemputan kepada The Right Honourable Lord Patrick Hodge ke NBD dan jemputan kepada Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon ke UK diatur untuk mempererat hubungan dan mengharap kerjasama yang

lebih bermanfaat dalam mempromosikan kedaulatan undang-undang, keadilan dan kemakmuran ekonomi di peringkat antarabangsa.

Kedua-dua pihak menyambut baik peluang untuk berkongsi idea dan amalan terbaik, termasuk melalui lawatan kehakiman akan datang, mesyuarat yang difasilitasi melalui komputer dan aktiviti kolaboratif lain.

Mereka bersetuju untuk meneroka jalan bagi mengukuhkan hubungan institusi dan pertukaran profesional yang bertujuan menyokong kedaulatan undang-undang serta meningkatkan kerjasama kehakiman antara institusi mereka.

Mahkamah Besar NBD menyampaikan penghargaan kepada Mahkamah Besar UK dan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy atas persahabatan yang mesra dan penglibatan yang membina serta menantikan dialog yang berterusan dan lebih banyak bentuk kerjasama pada masa akan datang.

Memartabatkan Al-Quran sebagai asas segala ilmu

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

TUNGKU LINK, Khamis, 9 Oktober. - Seramai 819 bakal graduan Politeknik Brunei (PB) menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi, bersempena dengan Majlis Konvokesyen PB Ke-11.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama,



SERAMAI 819 bakal graduan Politeknik Brunei menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis Khatam yang disertai oleh 380 bakal graduan lelaki dan 439 bakal graduan perempuan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan pembacaan Takhtim oleh para peserta khatam yang terdiri daripada penuntut serta bakal graduan PB.

Sementara bacaan Doa Khatam telah dipimpin oleh Awang Muhammad Adrian Azani bin Haji Muhammad Masjuna, bakal graduan Diploma dalam Arkitek, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, sebelum majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban secara beramai-ramai yang menghidupkan suasana penuh kesyukuran dan keberkatan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Penutup yang diketuai oleh Imam Masjid UBD, Awang Muhammad Wafi bin Muhammad.

Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk memartabatkan Al-Quran sebagai asas segala



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

ilmu, di samping mengambil keberkatan wahyu Allah.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis berkenaan, Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman; Pemangku Penolong Pengarah (Korporat, Perancangan dan Perkembangan), Dayang Hajah Dinah Haziqah binti Haji Johan; Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Armah binti Tengah; ketua-ketua bahagian, ketua-ketua sekolah, tenaga pengajar serta pelajar PB.

Majlis diunkayahkan oleh Unit

Pendidikan Islam, Bahagian Pengajian Am, PB; dan merupakan antara acara kemuncak yang menjadi tradisi setiap kali menjelang Majlis Konvokesyen PB.

Majlis Konvokesyen PB Ke-11 dijadualkan berlangsung pada 23 Oktober 2025, dengan dua sesi, iaitu pagi dan petang di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Seramai 897 graduan akan menerima Sijil Diploma Tahap 5 masing-masing pada majlis berkenaan.

MEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN BERKUALITI, LESTARI

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

TUNGKU LINK, Khamis, 9 Oktober. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengurusan Pendidik, dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah (IPSHB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) meneruskan Hari Kedua Persidangan Hari Guru bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025, bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Persidangan yang memasuki hari kedua ini diteruskan dengan penyampaian ucpatama bertajuk 'Artificial Intelligence in Islamic Education / Malaysia Madani' oleh Timbalan Rektor dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dato' Dr. Mohamad

Fauzan Noordin yang mana beliau antaranya menengahkan mengenai integrasi kecerdasan buatan dalam pendidikan Islam berteraskan nilai.

Setelah itu, acara disusuli dengan Sesi Learning Circle, diikuti dengan 70 pembentangan kertas penyelidikan selari, 10 bengkel interaktif dan 10 pameran poster digital atau e-Poster.

Dalam pada itu, antara tujuan persidangan ini adalah bagi memacu transformasi pendidikan yang berkualiti dan lestari dengan menyediakan platform dinamik kepada para pendidik untuk berkongsi wawasan berasaskan bukti serta amalan pedagogi inovatif.

Persidangan ini memfokuskan perbincangan kepada 29 sub-tema yang dikategorikan di bawah tiga teras utama iaitu 'Memperkasakan Pelajar Untuk Masa Depan', 'Meningkatkan Ekosistem Pendidikan' dan 'Pembangunan Sumber Manusia'.

Seramai 600 peserta dan



UCAPTAMA Timbalan Rektor dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin (kiri), manakala gambar kanan, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Hari Guru.



tetamu menghadiri persidangan ini, yang terdiri daripada para pendidik daripada semua sekolah kerajaan dan swasta serta wakil institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Menerusi hasil Persidangan Hari Guru pada tahun ini, ia juga diharap untuk terus memperkasakan lagi guru-guru sebagai pemangkin perubahan, selari dengan usaha ke arah transformasi pendidikan yang berteraskan nilai dan berpusatkan insan atau *human-centric* di Negara Brunei Darussalam.

SERAMAI 600 peserta dan tetamu menghadiri persidangan ini, yang terdiri daripada para pendidik daripada semua sekolah kerajaan dan swasta serta wakil institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Memperkasakan sektor pelancongan ASEAN dengan kemahiran kritikal

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) berjaya melancarkan Bengkel Bahasa Cina dan Pembangunan Keupayaan bagi Profesional Pelancongan Negara-negara Anggota ASEAN dari 9 hingga 10 Oktober 2025, di Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business-LCB).

Bengkel yang merupakan kerjasama dengan ASEAN-China Centre (ACC), telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan perasmian, Dayang Hajah Tutiaty menekankan komitmen bersama untuk memperkukuh kerjasama serantau dan memperkasakan sektor pelancongan kita.

Jelasnya, Republik Rakyat China merupakan pasaran yang penting dan sedang berkembang pesat bagi rantau Asia Tenggara. Untuk benar-benar memanfaatkan pasaran berkenaan dan memberikan pengalaman yang luar biasa kepada pelancong Republik Rakyat China, kita mesti melengkapkan para profesional pelancongan barisan hadapan kita dengan kemahiran dan kesedaran budaya yang tepat.

Menurutnya lagi, sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menunjukkan tanda-tanda

pemulihan dan pertumbuhan yang menggalakkan. Sehingga Ogos 2025, kita telah menerima seramai 28,714 pelawat dari Republik Rakyat China, iaitu sumber pasaran kedua terbesar kita yang menyumbang lebih 15.5 peratus daripada jumlah ketibaan melalui udara.

"Dengan majoriti pelancong Republik Rakyat China datang untuk tujuan percutian, melawat rakan dan keluarga, atau urusan perniagaan, dan dengan Republik Rakyat China sebagai pasaran sasaran utama bagi 2025, data berkenaan jelas menunjukkan kebangkitan keyakinan pelancongan serta pengukuhan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara.

"Ini turut diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan pengecualian visa bagi semua warganegara Republik Rakyat China yang membenarkan tempoh lawatan sehingga 14 hari, yang bermula pada Mac tahun ini. Inisiatif tepat pada masanya ini bukan sahaja meningkatkan kebolehcapaian NBD kepada pelancong Republik Rakyat China tetapi juga mengukuhkan hubungan dua hala kita, sekali gus membuka jalan kepada pertukaran budaya dan ekonomi yang lebih besar," ujarnya lagi.

Acara pembangunan keupayaan serantau yang penting berkenaan menghimpunkan 60 pengurus produk dan pemandu pelancong dari ASEAN dan



BENGKEL Bahasa Cina dan Pembangunan Keupayaan bagi Profesional Pelancongan Negara-negara Anggota ASEAN dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Republik Demokratik Timor-Leste yang mengambil bahagian dalam bengkel fizikal, manakala tambahan 88 peserta yang menghadiri sesi dalam talian.

Bengkel berkenaan secara langsung menumpukan kepada keperluan untuk mempersiapkan tenaga kerja pelancongan serantau untuk menyambut dan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada pasaran pelancong Republik Rakyat China yang berkembang pesat.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkasakan sektor pelancongan ASEAN dengan

melengkapkan pengurus produk dan pemandu pelancong dengan empat kemahiran kritikal, iaitu kecekapan asas dalam bahasa Cina, komunikasi silang budaya yang berkesan, peningkatan keupayaan perkhidmatan dan kerjasama serantau yang lebih kukuh.

Kejayaan penganjuran bengkel berkenaan dijangka akan menghasilkan tenaga kerja pelancongan serantau yang lebih profesional, lebih lengkap, mampu menyediakan pengalaman yang lebih kaya dan lebih menarik untuk pelancong Republik Rakyat China,

sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan mampan pelancongan ASEAN.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk meningkatkan kualiti profesional hospitaliti dan pelancongan di NBD. Pelbagai program latihan baharu telah dibangunkan untuk industri pelancongan bagi memastikan para profesional memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi, seterusnya memperkayakan pengalaman para pelawat.

Majlis Kesyukuran sempena Hari Pos Sedunia



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Memperingati Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-151 Tahun.

BERAKAS, Khamis, 9 Oktober. - Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Memperingati Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-151 Tahun.

Majlis berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.



Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang dan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Hari Pos Sedunia (World Post Day) diraikan setiap 9 Oktober oleh para penyedia perkhidmatan pos dari negara-negara ahli Kesatuan Pos Sedunia (UPU) bagi memperingati kepentingan dan peranan perkhidmatan pos dalam kehidupan masyarakat.

Sambutan Hari Pos Sedunia pada tahun ini bertepatan 'Pos Untuk Semua : Perkhidmatan Tempatan, Jangkauan Global' atau 'Post For People : Local Service. Global Reach'. Tema tahun ini memaparkan pos sebagai Perkhidmatan Awam yang penting serta mempunyai kemampuan untuk menjangkau seluruh dunia, menghubungkan orang ramai dan perniagaan serta menyokong perkembangan sosial dan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



ekonomi sama ada di peringkat tempatan mahupun global.

Kesatuan Pos Sedunia komited untuk memenuhi keperluan masa kini dan masa hadapan agar kekal relevan sebagai alat komunikasi dan perhubungan yang penting, selaras dengan Postal Vision 2030 yang digariskan oleh UPU untuk membentuk sektor pos yang

berdaya tahan, inklusif, dan dinamik.

Turut hadir, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Memperingati Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-151 Tahun (atas sekali dan atas).

MEMPERKUKUKAN KEFAHAMAN, PENGHAYATAN MUALAF TERHADAP ISLAM



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi Musabaqah Membaca Al-Quran dan Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahamannya bagi Mualaf Senegara sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas), manakala gambar atas kanan, persembahan bacaan Al-Quran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. – Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi Musabaqah Membaca Al-Quran dan Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahamannya bagi Mualaf Senegara sempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah 1447 Hijrah /2025 Masihi telah diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



Musabaqah. Keputusan pertandingan diumumkan oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin merangkap Pengerusi Jemaah Hakim.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan iaitu Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Lelaki; Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Perempuan; Musabaqah Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Lelaki; dan Musabaqah Menghafaz

Surah-surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Perempuan.

Seramai 36 peserta mualaf dari keempat-empat daerah menyertai musabaqah ini, terdiri daripada 25 peserta bagi kategori Membaca Al-Quran dan 11 peserta bagi kategori Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahaman.

Johan bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Lelaki dimenangi oleh Awang Muhammad Faizul bin Muhammad Azlan dan johan bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian

Perempuan diberikan kepada Dayang Nurul'ain binti Mohd. Redzuan.

Sementara johan bagi Musabaqah Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Lelaki diraih oleh Awang Muhammad Fadzil Eshan bin Haji Abdul Alyan dan johan bagi Musabaqah Menghafaz Surah-surah Lazim Berserta Pemahaman Bahagian Perempuan disandang oleh Dayang Nurul Zariah Diyanah binti Muhammad Ali Arman.

Para pemenang menerima hadiah berupa wang tunai, piala pusingan dan iringan, Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, serta sijil penghargaan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Faizul dan Awang Muhammad Fadzil Eshan, masing-masing merupakan johan keseluruhan bagi kategori Membaca dan Menghafaz.

Musabaqah ini dianjurkan oleh PDI, KHEU melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) selama dua hari berturut-turut, iaitu pada 7 dan 8 Oktober 2025.

Penganjuran program ini diharap dapat menyemarakkan semangat para mualaf untuk terus mendalami ajaran Islam melalui Al-Quran serta memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap agama Islam.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Elakkan buli : Tanamkan sifat mahabbah

mementingkan diri sendiri dan tidak memikirkan mengenai kepentingan orang lain. Maka kezaliman dan penganiayaan pun boleh terjadi dan sudah pasti ia merupakan perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Sesungguhnya agama kita mengharamkan segala bentuk perbuatan zalim kerana ia adalah perbuatan keji yang termasuk dalam dosa besar apatah lagi jika yang dianiayai dan dizalimi itu ialah saudara Islamnya sendiri. Daripada Abu Dzarr Al-Ghifari Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda meriwayatkan daripada Allah Azza Wajalla, sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman :

Maksudnya : "Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku menjadikannya haram di antara kamu, maka janganlah saling menzalimi". (Hadis Qudsi diriwayatkan oleh Imam Muslim)

Adapun antara perbuatan zalim itu ialah buli. Buli adalah perbuatan tingkah laku agresif yang berulang dan bertujuan untuk menyakiti individu lain, sama ada dari segi fizikal, mental ataupun emosi. Gejala buli boleh berlaku di mana sahaja sama ada di rumah, di institusi pendidikan, di tempat kerja, di jalan raya, di kawasan kejiranan mahupun di dunia maya.

Buli boleh dibahagikan kepada empat jenis :

Pertama : Buli lisan iaitu menggunakan perkataan untuk menyakiti seseorang seperti memanggil seseorang dengan nama yang menyakiti, mengusik atau mengejek, menggunakan perkataan kasar atau keras pada seseorang.

Kedua : Buli fizikal iaitu bertindak kasar atau agresif kepada seseorang atau benda kepunyaannya seperti memukul, mengambil wang atau barang berharga seseorang, melontar sesuatu, memusnahkan harta atau barang kepunyaan seseorang.

Ketiga : Buli sosial iaitu menyakiti seseorang dengan menyebabkan kemudaratan ke atas orang lain seperti menyebarkan khabar angin mengenai seseorang, meminta orang lain agar tidak berkawan dengan seseorang dan mengasingkan atau memulaukan seseorang daripada kumpulan.

Keempat : Buli siber iaitu buli melalui penggunaan komputer, telefon bimbit atau apa jua pun media elektronik yang lain.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang sentiasa taat kepada perintah-Nya, saling menghormati sesama manusia dan berkasih sayang antara satu sama lain. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dengan perbuatan menzalimi seperti buli mestilah sedar bahawa setiap

perbuatan dan amalan kita di atas muka bumi ini akan dinilai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, daripada sekecil-kecil perbuatan hingga sebesar-besar perkara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Kahf, ayat 49 :

Tafsirnya : "Dan diletakkan kitab (catatan amal perbuatan setiap orang) maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata : "Aduhai celakalah kami. Kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (juga) yang besar melainkan semua dihitungnya". Dan mereka mendapati apa yang mereka telah kerjakan itu sedia (tercatat di dalamnya). Dan Tuhanmu tidak menzalimi seorang jua pun".

Terdapat beberapa langkah yang boleh kita ambil dalam menangani pembuli dan melindungi diri kita daripada gejala buli, antaranya :

Pertama : Kongsi dan beritahu masalah ini kepada ibu bapa, ahli keluarga, guru dan rakan yang dipercayai mengenai apa yang sedang berlaku. Jangan menyimpan masalah ini seorang diri.

Kedua : Jangan bertindak balas dengan keganasan, walaupun kita berasa marah dan kecewa. Ini kerana ia hanya akan memburukkan keadaan. Sebaliknya, cuba kekalkan bersikap tenang dan bereder daripada situasi tersebut.

Ketiga : Elakkan tempat berisiko. Elakkan berseorangan ke tempat-tempat kita sering dibuli. Sebaliknya, pergi bersama rakan atau minta seseorang untuk mengawasi kawasan tersebut.

Keempat : Jangan salahkan diri sendiri. Jangan biarkan pembuli membuat kita berasa rendah diri dan tertekan.

Kelima : Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya gejala buli itu berterusan.

Penggunaan internet kini menjadi teknologi yang paling pesat berkembang, malah ia dilihat sebagai satu keperluan kita pada masa kini. Adapun antara kemudahan yang sering digunakan dan semakin berkembang pesat itu adalah penggunaan media sosial. Ia telah menyediakan ruang interaksi dan komunikasi tanpa batasan yang menyebabkan kejadian buli siber semakin berleluasa.

Sebagai pengguna yang bijak dan bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa menjaga batas pergaulan dalam media sosial bagi mengelakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan bahaya dan mudarat seperti buli siber. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjauhkan diri daripada sebarang bentuk kemudaratan ataupun memudaratkan orang lain. Daripada Abu Said bin Sinan Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak boleh memudaratkan dan membalas kemudaratan dengan kemudaratan". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Buli siber boleh memberi kesan negatif yang mendalam kepada individu yang menjadi mangsa. Justeru, perkara ini tidak boleh diambil mudah dan tidak harus diambil ringan. Ini kerana buli siber boleh berlaku 24 jam sehari dan si pembuli siber juga boleh menyembunyikan identiti mereka. Ini menyukarkan mangsa buli untuk mengenal pasti dan mendapatkan perlindungan.

Bagi membendung dan mengatasi buli siber, beberapa cara perlu diambil untuk menanganinya antaranya dengan menyimpan bukti seperti tangkapan skrin, mesej atau pautan, sekat dan laporkan pembuli di platform terbabit, gunakan tatapan privasi untuk mengawal siapa yang boleh menghubungi kita, jangan balas atau melawan dalam talian dan dapatkan bantuan daripada orang yang dipercayai atau bantuan profesional. Sesungguhnya buli siber adalah masalah dan isu serius yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Jangan biarkan buli siber merosakkan hidup kita ataupun hidup orang lain.

Mariilah kita mentarbiah diri kita, keluarga dan masyarakat dengan saling menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat, apatah lagi yang membawa kepada perbuatan zalim dan penganiayaan seperti buli.

Gunakanlah akal fikiran yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan wajar dan sebaik-baiknya. Jauhilah dan elakkanlah perbuatan buli dan laksanakanlah peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai seorang anak, ibu bapa, ahli keluarga, guru, murid, sahabat, majikan dan rakan sekerja untuk mengatasi dan mencegah perbuatan buli. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi diri kita daripada melafazkan tutur kata dan melakukan tingkah laku yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal Alam.

Tafsirnya : "Katakanlah : "Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan keji sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi dan perbuatan dosa serta mencero boh (hak sesama manusia) tanpa alasan yang memang tidak dibenarkan dan (demikian juga diharamkan) kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Dia tidak menurunkan bukti (yang membenarkannya) dan (diharamkan) kamu memperkatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui". (Surah Al-A'raf, ayat 33)

Mengukuhkan kerjasama dalam memajukan mekanisme ADR

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Timbangtara Brunei Darussalam**

KUALA LUMPUR, Khamis, 9 Oktober. - Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh kerjasama serantau dan mempromosi penggunaan Penyelesaian Pertikaian Alternatif atau Alternative Dispute Resolution (ADR), Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC) baru-baru ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Asian International Arbitration Centre (AIAC) di Kuala Lumpur, Malaysia.

Majlis Menandatangani MoU berkenaan ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, selaku Pengerusi BDAC dan Ketua Pegawai Eksekutif AIAC, Datuk Almalena Sharmila Johan, bertempat di Bangunan AIAC, Bangunan

Sulaiman semasa Asia ADR Week 2025.

Saksi kepada penandatanganan MoU berkenaan ialah Interim Ketua Pegawai Eksekutif BDAC, Awang Omsarule bin Haji Awang Omar dan Penolong Pengarah AIAC, Heather Yee.

Penandatanganan MoU berkenaan menandakan komitmen bersama bagi mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua institusi dalam memajukan mekanisme ADR, termasuk timbang tara, pengantaraan dan bentuk penyelesaian pertikaian lain.

Selain itu, ia juga menubuhkan kesefahaman untuk bekerjasama dalam bidang perkongsian pengetahuan dan maklumat, pembangunan kapasiti serta promosi bersama amalan terbaik

dalam ADR.

Melalui perkongsian berkenaan, BDAC dan AIAC akan meneroka peluang untuk pertukaran lawatan, melaksanakan persidangan, seminar dan program latihan serta inisiatif yang dapat meningkatkan kesedaran dan memperkukuh ekosistem ADR di rantau Asia Pasifik.

Kerjasama strategik berkenaan dihasratkan untuk mempertingkatkan keyakinan, kebolehpercayaan dan keberkesanan dalam penyelesaian pertikaian komersial secara domestik dan antarabangsa.

Seiring dengan penandatanganan MoU berkenaan, rombongan BDAC turut

menghadiri Asia ADR Week 2025 dan beberapa mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan. Asia ADR Week 2025 adalah acara yang dianjurkan oleh AIAC yang mengongsikan dan bertukar pendapat daripada pakar-pakar antarabangsa, pengamal undang-undang dan pengubal dasar bagi membincangkan perkembangan

serta cabaran terkini dalam bidang ADR di peringkat serantau dan global.

Acara berkenaan menjadi platform untuk perkongsian ilmu dan mengeratkan hubungan para pengamal ADR antarabangsa, sekali gus mengukuhkan komitmen BDAC terhadap integrasi serantau dan penglibatan global dalam bidang ADR.



MAJLIS Menandatangani MoU berkenaan ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, selaku Pengerusi BDAC dan Ketua Pegawai Eksekutif AIAC, Datuk Almalena Sharmila Johan.

AMALAN ROHANI MAMPU BANTU TEKANAN MENTAL

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



BERAKAS, Jumaat, 10 Oktober. - Bersempena Persidangan Antarabangsa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2025 (NCD 2025) yang dianjurkan bersama Kementerian Kesihatan, Jerudong Park Medical Centre, Gleneagles JPMC Brunei Darussalam, pagi tadi telah diadakan sesi forum perkongsian bertajuk 'Mental Health Journeys and Voices of Experience : Stories of Resilience and Hope' berlangsung di Bilik Sepakat 3, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Forum menentang kisah-kisah *live experience* individu-individu yang pernah mengalami masalah kesihatan mental dan mampu mengatasinya dengan sokongan daripada ahli-ahli keluarga, teman-teman dan masyarakat sekeliling dan yang penting sekali, dengan semangat diri yang kuat dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bertindak sebagai moderator pada sesi perkongsian berkenaan ialah Pakar Psikiatri, Dr. Kartini binti Haji Tudin.

Sementara itu, ahli panel terdiri daripada Pengasas Dils Cafe, Shaikh Fadilah bin Shaikh Ahmad dan Dayang Halimahtun Saadiah binti PDIS Mejar Jeneral (B) DPS Haji Sulaiman (MS) yang merupakan seorang *survivor* dan seorang ibu yang bekerja.

Kedua-dua ahli panel forum mengongsikan bahawa segala dugaan yang dilalui boleh saja merupakan salah satu teguran daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk membuatkan mereka lebih dekat dengan-Nya.

Oleh itu mereka bersetuju bahawa dengan pengukuhan kerohanian, ia juga antara perkara yang paling banyak membantu mereka untuk pulih daripada segala masalah yang mereka hadapi di samping dari mendapatkan bantuan perubatan dan sebagainya.

Di samping itu, penjagaan kesejahteraan diri sendiri dengan membataskan waktu kerja yang seimbang juga antara yang ditekankan oleh ahli panel forum bagi memastikan kesihatan mental sentiasa terjaga

khususnya bagi mereka yang berkerjaya.

Bagi mereka yang menghadapi tekanan yang melampau, adalah disarankan untuk tidak berasa malu dan melengahkan untuk mengongsikan masalah yang mereka hadapi ke pihak-pihak yang tertentu seperti kepada pakar psikiatri yang akan dapat menilai dengan lebih terperinci lagi akan masalah kesihatan yang dihadapi.

Salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan kepada orang ramai dalam membantu menangani masalah kesihatan mental yang ada di negara ini yang juga digunakan oleh ahli panel di sepanjang perjalanan pemulihan mereka ialah Talian Harapan 145 yang beroperasi selama 24 jam sehari bagi membantu mereka yang mengalami masalah yang bersangkutan.

Memandangkan ia bukanlah suatu perkara yang mudah bagi seseorang yang mengalami masalah kesihatan mental untuk pulih sepenuhnya dalam tempoh yang cepat, Shaikh Fadilah dan Dayang Halimahtun Saadiah bersetuju bahawa untuk mendapatkan bantuan daripada pakar adalah antara jalan yang harus diambil bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi di samping untuk menempatkan diri bersama orang yang tepat yang mampu membuatkan diri mereka lebih tenang dan melupakan masalah yang dihadapi.

Menyibukkan diri dengan aktiviti riadah, melakukan perkara yang disukai dan keluar bersama rakan-rakan juga antara kaedah yang dianggap berkesan bagi ahli panel forum dalam usahanya memastikan kesejahteraan kesihatan diri dan mental lebih baik yang turut sempat dikongsikan semasa forum berkenaan.



SESI forum perkongsian bertajuk 'Mental Health Journeys and Voices of Experience : Stories of Resilience and Hope' berlangsung di Bilik Sepakat 3, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir bagi mendengarkan forum berkenaan.

Acara yang diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, Perkhidmatan Psikiatri dan Perkhidmatan Psikologi ini merupakan sebahagian daripada acara sambutan Hari Kesihatan

Mental Sedunia 2025 dan menjadi salah satu acara sampingan semasa NCD 2025 yang telah berlangsung mulai pada 8 Oktober 2025 hingga 12 Oktober 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ceramah kongsi hadapi, tangani stres, tekanan

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



CERAMAH bertajuk 'From Chaos to Calm : Relaxation and Grounding Techniques for Emotional Balance' yang disampaikan oleh Ahli Psikologi dari Unit Psikologi Klinikal, Dayang Nur Qamarina Syafiqah binti Jufri.

BERAKAS, Jumaat, 10 Oktober. - Beberapa acara sampingan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 diteruskan petang tadi dengan penganjuran sesi ceramah, taklimat serta pembarigaan berkaitan kesihatan mental dan kepentingan penjagaannya yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sesi pertama dimulakan dengan ceramah bertajuk 'From Chaos to Calm : Relaxation and Grounding Techniques for Emotional Balance' yang disampaikan oleh Ahli Psikologi dari Unit Psikologi Klinikal, Dayang Nur Qamarina Syafiqah binti Jufri dan Kaunselor Kejururawatan dari Perkhidmatan Psikiatri, Dayang Suriati binti Haji Kamis.

Antara lain ceramah berkongsi bagaimana menghadapi dan cara menangani stres atau tekanan. Ini diikuti dengan ceramah bertajuk 'Tenanglah Wahai Hati : Menangani Tekanan Hidup Menurut Panduan Islam' disampaikan oleh Awang Mohd. Syahirul Syaszwan bin Rashid dan Awang Muhammad Zulhusni bin Haji Mohd. Suhaini.

Turut dikongsikan ialah Kursus Asas Kesihatan Mental dan Implikasinya dalam Penyelidikan Pendidikan Islam : Penggunaan Instrumen SRQ dan DASS oleh Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman dan Awang Abd Rahman bin Haji Ajak serta Ceramah Asas Kesihatan Mental : Gangguan Mental atau Gangguan Mistik oleh Awang Abdul Khaliq bin Awak dan Awang Muhd. Yusri bin Haji Abd. Majid.

Acara ini diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Perkhidmatan Psikiatri dan Perkhidmatan Psikologi.

Tema yang dipilih pada tahun ini oleh Persatuan Kesihatan Mental Sedunia ialah 'Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Ketika Menghadapi Musibah dan Kecemasan'.

Sebagai tambahan, sesi taklimat, ceramah dan pembarigaan mengenai kesihatan mental adalah sebahagian daripada Persidangan Antarabangsa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2025 (NCD 2025) yang berlangsung hingga Ahad, 12 Oktober 2025.

Garis panduan terkini Pertunjukan Dron Malam Gemilang UBD



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Oktober. - Pertunjukan Dron Malam Gemilang Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD Ke-79, Tahun 2025 serta Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan UBD akan berlangsung pada Sabtu, 11 Oktober 2025 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Sehubungan itu, bagi melancarkan acara Pertunjukan Dron Malam Gemilang UBD beberapa garis panduan telah ditetapkan.

Bagi kemudahan orang ramai, perkhidmatan bas ulang-alik disediakan mulai pukul 5.00 petang dari zon pengambilan di sekitar bangunan Kementerian Pendidikan di Jalan Airport Lama

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Bas akan menurunkan penumpang di Bangunan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) di mana orang ramai boleh menuju ke zon masing-masing (Zon 'B' atau 'D').

Beberapa jalan dan kawasan letak kereta di sekitar Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kompleks Kolam Renang Negara Hassanal Bolkiah, Stadium Hoki dan Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) akan ditutup.

Selepas acara tamat, bas ulang-alik akan membawa penumpang kembali ke tempat letak kereta masing-masing sehingga pukul 11.00 malam.

Pintu masuk akan dibuka mulai pukul 5.30 petang. Sila pastikan awda membawa semua keperluan sebelum masuk ke kawasan Concourse. Gunakan tiket awda untuk masuk ke kawasan Concourse dan terus ke pintu zon tempat duduk. Tempat duduk adalah bebas, jadi disarankan untuk datang awal.

Sekiranya cuaca buruk seperti hujan atau angin kencang berlaku pada hari acara, pertunjukan dron mungkin akan ditangguhkan atau dijadualkan semula, bergantung kepada keadaan cuaca. Sebarang

makluman akan diumumkan melalui media sosial. Pemegang tiket diminta untuk menyimpan tiket bagi kemasukan ke pertunjukan yang ditunda.

Demi keselamatan dan kelesaan semua yang hadir ke Pertunjukan Dron Malam Gemilang UBD, pengunjung dilarang membawa barang-barang seperti bahan terlarang (rokok, vape, alkohol dan sebagainya); dron peribadi; bunga api dan / atau alat percikan api (*sparklers*); botol kaca; penunjuk laser; barang yang berbahaya (senjata dan / atau objek tajam) dan *stroller*.

Acara ini merupakan anjuran bersama oleh Imagine Sdn. Bhd. dengan sokongan daripada rakan-rakan industri iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Baiduri Bank Berhad, Boeffi International (B) Sdn. Bhd., D'Sunlit Sdn. Bhd., Brunei Press Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club, Adinin Works and Engineering Sdn. Bhd., Brunei Methanol Company Sdn. Bhd., Sistem Integra Sdn. Bhd., Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan Poni Group Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang kemas kini, ikuti @ubddroneshow dan @ubdbuzz di Instagram.



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

ELAKKAN BULI . TANAMKAN SIFAT MAHABBAH



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 18 RABIULAKHIR 1447H / 10 OKTOBER 2025M



TERDAPAT BEBERAPA LANGKAH YANG BOLEH KITA AMBIL DALAM MENANGANI PEMBULI DAN MELINDUNGI DIRI KITA DARI GEJALA BULI, ANTARANYA:

01

Kongsi dan beritahu masalah ini kepada ibu bapa, ahli keluarga, guru dan rakan yang dipercayai mengenai apa yang sedang berlaku. Jangan menyimpan masalah ini seorang diri

02

Jangan bertindak balas dengan keganasan, walaupun kita merasa marah dan kecewa kerana ia hanya akan memburukkan keadaan. Sebaliknya, cuba kekalkan bersifat tenang dan beredat dari situasi tersebut

03

Elakkan berseorangan ke tempat-tempat kita sering dibuli. Sebaiknya, pergi bersama rakan atau minta seseorang untuk mengawasi kawasan tersebut

04

Jangan salahkan diri sendiri. Jangan biarkan pembuli membuat kita merasa rendah diri dan tertekan

05

Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya gejala buli itu berterusan

JAUHILAH DAN ELAKKANLAH PERBUATAN BULI !



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(109) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero Sport,
BG4981.

Bilangan Sebut Harga:
(110) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi L 300 Diesel,
BG4983.

Bilangan Sebut Harga:
(111) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 1238.

Bilangan Sebut Harga:
(112) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 2001

Bilangan Sebut Harga:
(113) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Tayar
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 2001

Bilangan Sebut Harga:
(114) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Toyota Land Cruiser Prado,
BG 8972 (TB)

Bilangan Sebut Harga:
(115) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 4279 (TB).

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(116) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero, BG 4461.

Bilangan Sebut Harga:
(119) INFO / PK / K / 7 (2025 -
2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Troubleshooting Fire
Alarm Panel Di Bangunan Asal
Dan Bangunan Tambahan,
Jabatan Penerangan.

Yuran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Di
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
03 / 2025 / 2026

Pembekalan dan Penghantaran
Toner dan Ink Cartridge Bagi Lima
(05) Bulan Secara Berkontrak Bagi
Jabatan Perancang Bandar dan
Desa, Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tahun Kewangan 2025 / 2026

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran sebut harga
adalah secara online melalui One
Common Billing System (OCBS))

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 6 Oktober 2025

(Permohonan dokumen tawaran
boleh diperoleh dengan melayari
laman sesawang Jabatan
Perancang Bandar dan Desa iaitu
www.mod.gov.bn/tcp dan
seterusnya masuk ke
QUOTATION melalui Quick Links)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 30 Oktober 2025,
Sebelum jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
(117) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Mengecat dan
Memasang Blinders Di Bilik
Sindiket, Aras 2, Bangunan Asal
Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(118) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Pintu Kaca Utama dan Pintu Kaca
Belakang Aras Lobi, Bangunan
Asal Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Telephone Connection Works Of
Copper-To-Fibre Migration For
Kuala Belait and Seria Municipal
Department Buildings' UNN
Telecommunication Lines

34 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026

Sebut Harga Membaiki Kerosakan
Sinta dan Atap Pada Tandas
Awam Jubli Perak,
Jalan Maulana Kuala Belait

35 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam
(Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
21 Oktober 2025
(Selasa)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P01/KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
14 Oktober 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025
(Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 040 / 2025

Nama Projek:
Kerja Membaik Pulih Pam Sungai
Burong No. 2 dan Penggantian
Injap Masuk Butterfly DN500 Di
Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
(III / IV / V Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
14 Oktober 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 042 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kesemua
Operasi Bantuan / Penyeliaan Untuk
Kerja-Kerja Rutin / Kecemasan
Termasuk Bantuan Telemetry Ke
Atas Tangki-Tangki Air dan Laluan
Paip Untuk Unit Supply Di Daerah
Brunei dan Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bil. Tawaran:
KHEU / JPI / JKS / 09 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Bahan-Bahan Kimia Bagi Makmal
Sains, Sekolah Tinggi Arab
Hassanal Bolkiah (STAHB),
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 30 Rabiulakhir 1447H /
22 Oktober 2025M
Tidak lewat jam 2.00 petang.



Bil. Tawaran:
KHEU / JPI / JKS / 10 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Peralatan Dan Perkakas Bagi
Makmal Sains, Sekolah Tinggi
Arab Hassanal Bolkiah (STAHB),
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 7 Jamadilawal 1447H /
29 Oktober 2025M
Tidak lewat jam 2.00 petang.





JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kelas:
(NIL)

Kategori :
[Consultant Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DWS / 35 / 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
Perkhidmatan Konsultan Untuk
Kajian Pembekalan dan Sumber Air
Negara Brunei Darussalam
Sehingga Tahun 2035 dan
Pemasangan Paip Air Utama
Baharu Dari Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Dilanjutkan Sehingga:**
9 Oktober 2025, Khamis

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 14 Oktober 2025



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
39 / JPD / JKSH /
2025-2026

Tajuk Projek:
Upgrading And Digitalization Of
Sikap Conference Room,
3rd Floor,
Jabatan Pengangkutan Darat
Headquarters Beribi

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
37 / JPD / JKSH /
2025-2026

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Siling
Bangunan Jabatan
Pengangkutan Darat Cawangan
Tutong

Bilangan Tawaran:
38 / JPD / JKSH /
2025-2026

Tajuk Projek:
Renovation And Upgrade Of
Sikap Conference Room,
3rd Floor,
Jabatan Pengangkutan Darat
Headquarters Building

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET /
08 / 2025-2026

Provision Of Repair Works
For The Entire Building At
The Animal And
Plant Quarantine Control Post,
Jalan Pangkalan Batu, Ministry Of
Primary Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Tarikh Taklimat:
Khamis,
9 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / JKSH / BTI / 03 /
2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
The Supply, Delivery,
Installation, Configuration,
Testing And Commissioning Of
Wireless Presentation System
And Video Conferencing
For Meeting Rooms In The
Ministry Of Primary Resources
And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
23 Oktober 2025
Khamis,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 51

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For
UN Tourism Regional Workshop In
Brunei Darussalam Welcoming
Dinner For November 18, 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KAJIUCUA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-04

Tawaran Bagi
The Development Of A
Web-Based & Payment Portal For
Online Climate Data Purchase
(Phase 1 – Development Of
Centralized Content Management
System And Digitizing Climate
Data)

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Oktober 2025



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 058 / 2025

Tajuk:
Laying MV Underground Cable
For Mile 4, MIS Madewa & MIS
Simpang Bengkurong (Recall)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 3, 4
atau 5 , dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 070 / 2025

Tajuk:
Construction Of New 11KV
Building For Mile 18 MIS In
Tutong District

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 4, 5
atau 6 , dalam Kategori E03 dan

mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / TRA / 089 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Oil Filtration Services
For Selective 66Kv Transformers
For A Period Of Two Years

Tarikh Tutup:
11 November 2025
(Selasa 2.00 Petang)

Yuran Sebut Harga:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil, Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn

**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 65 /
BPKB / 07

Nama Tawaran:
Tawaran Penyewaan Padang
Gadong

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
(16) NDMC / TSH / 2024-2025
Sebut Harga

Kelengkapan-Kelengkapan
Keselamatan (PPE) Bagi
Peningkatan Keupayaan Operasi
Bagi Pusat Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:
(17) NDMC / TSH / 2024-2025
Sebut Harga

Kelengkapan-Kelengkapan
Perkakas Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:
(18) NDMC / TSH / 2024-2025
Sebut Harga
Kelengkapan-Kelengkapan



Elektronik Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:
(22) NDMC / TSH / 2024-2025
Sebut Harga

Kelengkapan-Kelengkapan
Kanvas Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu
22 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum
memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan
tidak memenuhi syarat
kelayakan skim iklan akan
ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSQR 2.0
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
(sijil, transkrip dan pengiklanan Haja Kelengkapan Peningkatan Kelulusan
(PKOP) yang berkesan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selarung"
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat
(Jurnal / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan /
kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSQR.BN

queryspa.gov.bn

Talian WhatsApp

Suruhannya Perkhidmatan Awam

PSQR.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. TIMBALAN PEGAWAI BALAI JABATAN PENERANGAN AWAM P.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	06	38(b)	18 OKTOBER 2025
2. PEMBANTU MAKMAL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(a)	18 OKTOBER 2025
3. PENGAWAL SASARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/01/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(a)	18 OKTOBER 2025
4. PENOLONG OPERESAN KANAN JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/OCT/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	38(b)	18 OKTOBER 2025
5. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2025/OCT/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	05	7 (A) – JKK-MOH	18 OKTOBER 2025
6. ATENDAN ALATAN PEMBANTU JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK D.2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	22 OKTOBER 2025
7. PENOLONG ATENDAN SWITCHBOARD JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK D.2-3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	22 OKTOBER 2025

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi
syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Pencil Semula Iklan

Bilangan Iklan: 2022/06/03

Jawatan: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS
TANGGA II

Kementerian: KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELA DAN SUKAN

Jabatan: PUSAT SEARAH BRUNEI

Unit:

Tarikh Mula: 05 SEPTEMBER 2024

Tarikh Tutup: 15

SKIM IKLAN

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada
orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat
dengan Perkhidmatan Awam Negara
Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa
SPA dan Luar Negeri



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Perkhidmatan
Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

Bab 38(B)


Peraturan 38(B): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Kementerian
atau Jabatan dimana kekosongan
jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA





PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



PERTUBUHAN WARGAMAS ADAKAN LAWATAN KE TUDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan WARGAMAS



PARA pimpinan dan Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS mengadakan lawatan ke Tentera Udara Diraja Brunei yang terletak di Pangkalan Tentera Udara Rimba (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Seramai 40 pimpinan dan Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS baru-baru ini mengadakan lawatan ke Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) yang terletak di Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini.

Lawatan Pertubuhan WARGAMAS ke TUDB berkenaan disambut dengan baik dan diberikan taklimat oleh Pengerusi Lawatan, Staf Sarjan (U) Md. Arif bin Haji Md. Yusof.

Staf Sarjan (U) Md. Arif dalam taklimatnya menjelaskan mengenai struktur organisasi TUDB, selain menerangkan peranan dan tanggungjawab TUDB serta fungsi mereka kepada Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang

Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dalam ucapan balasnya menghargai atas sambutan yang diberikan, serta sangat berpuas hati atas penjelasan taklimat yang menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman serta berdoa agar pimpinan TUDB akan terus berbakti untuk negara, raja, nusa dan bangsa.

Jelasnya lagi, semoga akan terus maju jaya dan dalam rahmat Allah Subhanahu Wata'ala selalu bagi sama-sama menjaga keamanan, ketenteraman dan keselamatan NBD.

Rombongan juga dibawa untuk melawat kawasan Hangar 'A', TUDB bagi menyaksikan sendiri perkembangan helikopter dan sebahagian contoh senjata dan peralatan yang terdapat di Hangar 'A' berkenaan.



جائين فرانخون ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL HIRAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan
utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

Tingkatkan kesedaran terhadap pematuhan Cukai Pendapatan Korporat



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Dalam usaha meningkatkan kefahaman kepada syarikat-syarikat perniagaan mengenai skop percukaian di negara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui

Bahagian Hasil telah mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap



SESI Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas dan kiri).

obligasi dan tanggungjawab syarikat-syarikat perniagaan ke atas pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Dalam taklimat tersebut, pegawai dari Bahagian Hasil telah menjelaskan secara menyeluruh

antaranya tentang asas penaksiran cukai, pematuhan untuk pemfailan penyata cukai dan perkiraan cukai, selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.

Sesi Pembarigaan ini adalah salah satu usaha berterusan MOFE

dalam memperkukuhkan lagi tahap pematuhan cukai dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan cukai korporat kepada orang ramai terutama dalam kalangan pembayar cukai di negara ini.

UBD TANDATANGANI KERJASAMA PERTUNJUKAN MALAM GEMILANG UBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan Majlis Menandatangani Rakan Kongsi untuk menghargai rakan kerjasama yang menyokong pertunjukan Malam Gemilang UBD yang akan datang anjuran bersama Imagine Sdn. Bhd. (Imagine).

Majlis yang diadakan di D'Sunlit Sdn. Bhd. berkenaan menghimpunkan rakan kongsi korporat dan rakan penaja UBD yang telah memberikan sokongan kolektif mereka dalam menjayakan acara berkenaan.

Inisiatif berkenaan menandakan pencapaian penting sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 dan Sambutan Ulang Tahun UBD Ke-40.

Majlis menandatangani berkenaan diadakan untuk

mengiktiraf sumbangan Rakan Kongsi Platinum, Emas dan Perak bagi mencerminkan kerjasama kukuh antara UBD dan rakan kongsi korporatnya dalam memajukan inovasi, kreativiti dan penglibatan komuniti.

Rakan Kongsi Platinum terdiri dari Imagine, Boeffi International (B) Sdn. Bhd., Unified National Networks (UNN), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank Berhad dan D'Sunlit Sdn. Bhd.

Sementara Rakan Kongsi Emas pula ialah Brunei Press Sdn. Bhd., manakala Rakan Kongsi Perak, iaitu Adinin Works & Engineering Sdn. Bhd., Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd., Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd., Sistem Integra Sdn. Bhd., Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan Poni Group Sdn. Bhd.

Pertunjukan Malam Gemilang UBD mempamerkan usaha berterusan UBD untuk mengintegrasikan teknologi,

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

kreativiti dan semangat komuniti. Persembahan Dron berkenaan akan dikendalikan oleh pasukan terlatih tempatan dari Imagine dan UBD, yang menunjukkan keupayaan warga tempatan dalam operasi dron berteknologi tinggi, penyelarasan imej serta teknologi paparan digital.

Inisiatif berkenaan menyerlahkan peranan UBD dalam memupuk kepakaran tempatan dan memupuk inovasi sejajar dengan matlamat pembangunan negara.

Pertunjukan Dron UBD Malam Gemilang akan berlangsung pada Sabtu, 11 Oktober 2025, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan menampilkan Persembahan Kebudayaan, Pertunjukan Cahaya Dron dan Pertunjukan Bunga Api untuk memperingati Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 dan Ulang Tahun UBD Ke-40.



UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Menandatangani Rakan Kongsi untuk menghargai rakan kerjasama yang menyokong pertunjukan Malam Gemilang UBD.

Indeks Harga Hartanah Kediaman catat peningkatan

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Suku Kedua 2025 (Q2 2025).

Indeks berkenaan dihasilkan dengan data yang diperoleh daripada bank-bank di NBD, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).

RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari semasa ke semasa.

Pada Q2 2025, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus tahun-ke-tahun kepada 96.5 berbanding dengan Q2 2024 dan peningkatan sebanyak 9.9 peratus berbanding dengan Q1 2025.

Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperoleh daripada bank-bank, sebanyak 146 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian dicatat pada Q2 2025.

Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 41.7 peratus dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q1 2025 dan peningkatan sebanyak 18.7 peratus berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada Q2 2025, sebahagian besar daripada transaksi berkenaan adalah bagi pembelian rumah bersendirian atau *detached* (60.3 peratus), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (18.5 peratus), rumah teres (12.3 peratus), pangsapuri (8.2 peratus), dan tanah (0.7 peratus).

Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q2 2025 adalah BND254,500. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 15.7 peratus berbanding

dengan Q1 2025, dan peningkatan sebanyak 1.8 peratus berbanding dengan Q2 2024.

Harga penengah bagi pembelian rumah berkembar adalah BND276,500, BND209,000 bagi rumah teres, BND235,000 bagi pangsapuri, dan BND110,000 bagi tanah. Pengiraan RPPI menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q2 2025 terletak di Daerah Brunei dan Muara (121 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (14 hartanah), dan Daerah Belait (11 hartanah). Tiada pembelian hartanah dicatatkan bagi Daerah Temburong.

Lima buah mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q2 2025 adalah Mukim Sengkuring, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Berakas B, dan Mukim Lumapas.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q2 2024	Dari Q1 2025
Q2 2025	96.5	1.5%	9.9%

Jumlah Transaksi pada Q2 2025 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	121
Tutong	14
Belait	11
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q2 2025	
Sengkuring	34
Kilanas	26
Gadong	19
Berakas B	10
Lumapas	9

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik berkenaan untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lain kepada

lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.


Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman sesawang BDCB www.bdc.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3







Penyelidikan menjana inovasi pertanian negara

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Ihsan Mohamad Bahiyuddin Aji

SELARAS dengan peredaran semasa, sektor pertanian turut mengalami perubahan ke arah mencapai peningkatan dalam produktiviti yang dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara. Dengan melakukan penyelidikan khusus dalam bidang ini, inovasi akan dapat tercipta dan secara tidak langsung akan membawa kepada perubahan positif dalam landskap pertanian di negara ini. Hal ini dapat dilihat dengan keberhasilan yang dicapai oleh salah sebuah syarikat pertanian milik anak tempatan, Kianjong.co dan kini menjadi salah satu contoh terbaik kejayaan graduan tempatan dalam sektor pertanian moden.

Inovasi dalam Landskap Pertanian

Memetik maklumat daripada buku atur cara Majlis Perasmian Pesta Konvo Uiversiti Brunei Darussalam (UBD) 2025, Kianjong.co diasaskan pada tahun 2020 oleh seorang alumni dari Akademi Pengajian Brunei (APB), UBD iaitu Mohamad Bahiyuddin bin Aji yang memulakan perjalanannya

dengan penanaman cili di Kampung Wasan, Daerah Brunei dan Muara dengan menggunakan sistem fertigasi yang maju untuk mengoptimumkan hasil dan kualiti tanaman. Menunjukkan komitmen terhadap pertanian mampan, Kianjong.co telah memperluaskan portfolio produknya secara strategik untuk merangkumi baja organik berasaskan mikrob berfaedah. Selain itu, syarikat ini sedang giat membangunkan projek rumah hijau berteknologi tinggi, yang bakal meningkatkan lagi keupayaan pertaniannya serta menyumbang kepada keselamatan makanan negara Brunei.

Pendekatan antropologi

Asas semangat keusahawanan Kianjong.co berakar umbi daripada pengalaman mendalam Mohamad Bahiyuddin sebagai pelajar Sarjana di APB. Pengkhususannya dalam pengajian budaya antropologi memberikan perspektif yang menyeluruh dalam mendekati dunia

perniagaan, sekali gus membentuk minda yang tahan lasak dan inovatif.

Walaupun kelihatan tidak berkaitan secara langsung dengan pengajian perniagaan tradisional, antropologi memainkan peranan penting dalam perusahaan moden, khususnya dalam pengembangan perniagaan, memahami trend pengguna, dan mengoptimumkan dinamik tenaga kerja.

Semangat untuk kemajuan

Penglibatan Mohamad Bahiyuddin dalam bidang pertanian didorong oleh rasa tujuan yang mendalam dan usaha berterusan untuk mencapai kemajuan - satu ciri utama latar belakang penyelidikannya. Selepas menamatkan pengajian di APB pada tahun 2018, beliau meluahkan masa setahun untuk menjalankan penyelidikan intensif dalam bidang pertanian, yang akhirnya membawa kepada penubuhan Kianjong.co pada penghujung tahun 2019. Perjalanan beliau mencerminkan kuasa transformatif penyelidikan akademik apabila diterapkan kepada cabaran dunia sebenar.

Memberdayakan Graduan : Mencipta Peluang

Kianjong.co merupakan bukti nyata nilai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada APB. Dalam landskap profesional yang semakin dinamik hari ini, Mohamad Bahiyuddin menekankan peranan penting graduan dalam mencipta peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada APB atas ilmu dan peluang yang diberikan semasa pengajian Sarjananya, yang telah memainkan peranan penting dalam kejayaan beliau.

Dengan komitmen terhadap pertanian mampan, inovasi teknologi dan pembangunan komuniti, Kianjong.co kini bergerak ke hadapan sebagai antara pelopor dalam transformasi landskap pertanian di negara ini. Kejayaan yang diraih oleh anak tempatan ini diharap akan menjadi *role model* kepada graduan-graduan atau generasi muda lainnya yang sedang mencari-cari hala tuju dalam bidang yang mereka minati.



INFO Teknologi



Teknologi pembatalan hingar : Mencipta keheningan dalam dunia yang bising

Pendahuluan

DALAM dunia yang semakin bising dan sibuk, mencari saat-saat ketenangan dan kedamaian kadangkala terasa seperti suatu kemewahan. Dari dengungan enjin kapal terbang yang kuat, kepada bunyi bising kenderaan di jalan raya, hingar yang berterusan bukan sekadar mengganggu, malah boleh menjejaskan tumpuan dan kesihatan mental kita. Namun, kemajuan teknologi kini mempunyai penyelesaian iaitu teknologi pembatalan hingar (*noise cancelling*). Teknologi ini bukan sekadar mengurangkan bunyi bising tetapi secara aktif mencipta zon keheningan peribadi untuk pengguna.

Sains di sebalik teknologi pembatalan hingar

Prinsip asas teknologi pembatalan hingar adalah konsep fizik yang dikenali sebagai gangguan memusnah (*destructive interference*). Setiap bunyi bergerak melalui udara dalam bentuk gelombang. Untuk membatalkan sesuatu bunyi, kita perlu mencipta gelombang bunyi yang kedua yang merupakan cerminan tepat bagi bunyi asal - iaitu, di mana gelombang asal

mempunyai puncak, gelombang kedua mempunyai lembangan, dan sebaliknya. Apabila kedua-dua gelombang ini bertemu, mereka saling membatalkan, menghasilkan keheningan.

Teknologi pembatalan hingar aktif (*active noise cancelling* - ANC) melaksanakan prinsip ini dengan cekap. Prosesnya berlaku dalam tiga langkah pantas : Pertama ialah dengan mengesan, sebagai contoh fon telinga atau *headphone* yang dilengkapi ANC mempunyai mikrofon kecil yang diletakkan di sebelah luar. Mikrofon ini bertindak sebagai 'telinga' peranti, yang mendengar dan menangkap bunyi hingar persekitaran di sekeliling awda. Langkah kedua ialah dengan menganalisis di mana cip elektronik di dalam peranti menganalisis bunyi hingar yang masuk ini serta-merta. Langkah ketiga ialah dengan membalas : Pengeras bunyi (*speaker*) di dalam fon telinga kemudian menghasilkan gelombang bunyi antihingar yang betul-betul berlawanan dengan gelombang hingar yang dikesan. Apabila kedua-dua gelombang ini bertemu di telinga awda, mereka saling memusnahkan, secara efektif 'membatalkan' bunyi bising sebelum awda sempat mendengarnya.

Selain ANC, terdapat juga pembatalan hingar pasif (*passive noise cancelling*), yang bergantung pada reka bentuk fizikal fon telinga itu sendiri. Bahan seperti busa memori (*memory foam*) dan pad yang ketat di sekeliling telinga bertindak sebagai penyekat fizikal yang menghalang bunyi bising dari luar untuk memasuki telinga. Kebanyakan produk berkualiti tinggi menggabungkan kedua-dua teknik pasif dan aktif untuk hasil yang paling optimum.

Aplikasi teknologi pembatalan hingar di dunia nyata

Walaupun penggunaan yang paling jelas teknologi pembatalan hingar adalah untuk menikmati muzik atau kandungan audio tanpa gangguan, manfaat teknologi ini jauh lebih luas. Antara penggunaan lainnya ialah seperti dalam industri pengangkutan. Sebagai contoh, penumpang kapal terbang, kereta api dan bas menggunakan fon telinga ANC untuk menikmati perjalanan yang lebih tenang dan kurang penat. Ia berkesan mengurangkan bunyi enjin yang mendengkur dan bunyi angin, membolehkan mereka berehat atau menumpukan pekerjaan dengan lebih baik. Selain itu,

teknologi pembatalan hingar juga digunakan di pejabat atau ruang belajar, di persekitaran kerja terbuka atau kafe yang bising, ANC membantu mencipta gelembung tumpuan peribadi. Ia membolehkan pekerja atau pelajar mengurangkan bunyi latar belakang seperti perbualan rakan sekerja atau bunyi mesin, seterusnya meningkatkan produktiviti.

Penggunaan lain teknologi pembatalan hingar juga boleh dilihat oleh pengguna untuk kesejahteraan dan tidur : Bagi individu yang tinggal di kawasan bandar yang sibuk, bunyi trafik atau jiran boleh mengganggu tidur. Fon telinga atau penutup telinga khas dengan ANC boleh mencipta persekitaran yang sunyi, menggalakkan tidur yang lebih lena dan mengurangkan tekanan. Dalam bidang profesional seperti pekerjaan jurutera tanah, juruterbang dan pekerja industri lain mereka menggunakan penutup telinga ANC untuk melindungi pendengaran mereka dan membenarkan komunikasi yang lebih jelas dalam persekitaran yang sangat bising.

Batasan dan pertimbangan

Walaupun hebat, teknologi pembatalan hingar ini mempunyai

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

batasannya. ANC paling berkesan untuk menangani bunyi berfrekuensi rendah, malah dan boleh diramal seperti bunyi enjin kapal terbang atau kipas pendingin hawa. Bunyi secara tiba-tiba dan frekuensi tinggi, seperti tangisan kanak-kanak atau hon kereta, lebih sukar untuk dibatalkan sepenuhnya kerana kelajuannya. Selain itu, kualiti ANC berbeza-beza mengikut jenama dan harga, dan sesetengah pengguna mungkin mengalami sensasi 'tekanan' di telinga apabila ANC diaktifkan.

Teknologi pembatalan hingar adalah lebih daripada sekadar ciri mewah pada fon telinga. Ia adalah alat yang ampuh untuk meningkatkan kualiti hidup kita dalam dunia moden. Dengan memberikan kita kawalan ke atas persekitaran akustik kita, teknologi ini membuka ruang untuk tumpuan yang lebih mendalam, rehat yang lebih berkualiti, dan penghayatan audio yang tidak terganggu. Ia bukan sekadar tentang mendengar muzik dengan lebih jelas, tetapi tentang mendengar diri sendiri dan mencari ketenangan di tengah-tengah kesibukan kehidupan.



2 warganegara tempatan didakwa atas kesalahan pengimportan ganja

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Oktober. – Penjatuhan hukuman terhadap dua warganegara tempatan atas kesalahan berkaitan dengan pengimportan ganja, iaitu dadah terkawal Kelas 'A' di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 telah ditetapkan pada 11 Oktober 2025.

Defendan, Dayang Siti Nor Khalisah binti Abd. Samat (D1); dan defendan, Awang Mohd. Islamudin Aziman Athiruddin (D2) mengaku bersalah di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli di Mahkamah Perantaraan, di sini.

D1 telah dibicarakan atas kesalahan mengimport 3.70 gram (g) dan 210.93g ganja ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan memiliki peralatan dadah yang masing-masing bertentangan dengan Bab 5 dan Bab 7 Akta

Penyalahgunaan Dadah.

Kesalahan pengimportan membawa hukuman minimum penjara lima tahun dan lima sebatan serta hukuman maksimum penjara 30 tahun dan 15 sebatan. Hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan memiliki peralatan dadah pula ialah penjara maksimum tiga tahun, denda maksimum BND10,000 atau kedua-duanya sekali.

Sementara D2 pula telah dibicarakan atas pertuduhan bersubahat dengan D1 untuk mengimport 210.93g ganja ke NBD. D2 juga telah didakwa dengan empat pertuduhan lain di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, termasuk bagi kesalahan mengambil dan memiliki ganja yang D2 telah mengaku bersalah.

Sepanjang perbicaraan, Pihak Pendakwa telah memanggil seramai 22 saksi. Mahkamah Perantaraan memutuskan bahawa Pihak Pendakwa berjaya membuktikan kes mereka



melampaui keraguan munasabah dan mensabitkan kedua-dua tertuduh atas semua pertuduhan.

Semasa menyampaikan penghakimannya, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan bahawa D1 telah memiliki peralatan dadah dan telah mengimport 3.70g dan 210.93g ganja ke NBD semasa ketibaannya dari Kuala Lumpur, Malaysia. Dadah dan peralatan berkaitan dadah telah ditemui oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta Biro Kawalan Narkotik semasa pemeriksaan terhadap bagasi miliknya.

Mahkamah juga menerima pembuktian kes Pihak Pendakwa bahawa D2 telah bersubahat dengan D1 untuk mengimport dadah terkawal tersebut ke NBD dan dadah berkenaan juga bertujuan untuk dihantar kepada D2.

Pihak Pendakwa diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Nor 'Azmeena binti Pengiran Haji Mohiddin, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

PUISI

SYAPEN PALESTIN MENERIAKKAN KATA SIMPATI

Assalamualaikum salam sejahtera,
Bismillah ditulis pembuka bicara,
Hendak dicerita kisah sengsara,
Bumi Palestin yang huru-hara.

Di Palestin terletak Masjid Al Aqsa,
Dahulu negara aman sentosa,
Dari bandar hingga ke desa,
Penduduk hidup aman selesa.

Zionis ke Palestin minta simpati,
Sudah bertapak kembangkan dinasti,
Sekarang sudah menjadi bukti,
Kekejaman dilakukan tiada berhenti.

Bila datang bangsa Yahudi,
Banyak kerosakan mula terjadi,
Membunuh, menyeksa bermacam tragedi,
Bangsa tidak mengenang budi.

Bila sudah kemaruk kuasa,
Tiada pernah mengenang jasa,
Penduduk diusir secara paksa,
Masjid, hospital semua dibinasa.

Banyak penduduk menjadi mangsa,
Kejam! tiada bertimbang rasa,
Warga ditangkap terus diseksa,
Kaum hawa ada diperkosa.

Negara Palestin terus binasa,
Hidup sudah tiada selesa,
Zionis mengganas mencari mangsa,
Mau dihapuskan rakyat dan bangsa.

Hentikan kezaliman dengan segera,
Sudahlah berlakon penuh sandiwara,
Rakyat Palestin semakin sengsara,
Gaza seperti sebuah penjara.

Kini Gaza menjadi debu,
Zionis menyerang terus menyerbu,
Mangsa terkorban berpuluh ribu,
Banyak anak kehilangan ibu.

Rumah dibakar merah menyala,
Kelakuan Zionis semakin menggilu,
Terus mengganas bermaharajalela,
Penduduk bertempiran tiada hala.

Gaza bermandikan lautan darah,
Mangsa bergelimpangan banyak yang parah,
Dunia memprotes semua marah,
Kekejaman tercatat di lembaran sejarah.

Zionis laknatullah semakin berani,
Seluruh Palestin mau dihuni,
Kerana dia punya kroni,
Konon dipercayai lagi disegani.

Banyak terkorban pertahankan diri,
Jenazah harum bau kasturi,
Wajah mereka berseri-seri,
Penghuni syurga bersama bidadari.

Marilah bantu saudara seagama,
Hulurkan bantuan berupa derma,
Doa kitani mudahan diterima,
Palestin pasti kembali menjelma.

Tiada rugi kitani bersedekah,
Harta akan semakin berkah,
Bantu hapuskan Zionis serakah,
Kezaliman mereka dipatah ditingkah.

Nadi©
Khamis

Jamadilawal ke 23 Hijrah 1445
Disember ke 7 Masihi 2023

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGERIA BRUNEI DARUSSALAM

JAGA KESIHATAN DENGAN MENGAMALKAN CARA HIDUP YANG SIHAT:

Bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari.

Mengamalkan minum air putih sekurang-kurangnya 8 gelas setiap hari.

Mengamalkan permakanan yang sihat.

Pengambilan makanan secara sederhana iaitu makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.

Tidur yang cukup.

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP LITERASI DIGITAL



BENGKEL Permainan Kewarganegaraan Digital berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kefahaman pelajar terhadap literasi digital, kesannya terhadap masyarakat dan individu serta kepentingan menjadi warganegara digital yang bertanggungjawab dan beretika.

Siaran Akhbar dan Foto : DigiNations

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. – Bengkel Permainan Kewarganegaraan Digital telah menghimpunkan seramai 25 pelajar dari Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi mendalami konsep literasi digital melalui pendekatan pembelajaran berasaskan permainan interaktif yang dikendalikan oleh Pengasas komuniti DigiNations, Dayang Sarinah binti Ziziumiza, bertempat di sekolah berkenaan.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kefahaman pelajar terhadap literasi digital, kesannya terhadap masyarakat dan individu serta kepentingan menjadi warganegara digital yang bertanggungjawab dan beretika.

Sepanjang sesi, peserta diperkenalkan kepada pelbagai konsep keselamatan siber, jejak digital, dan etika dalam talian melalui aktiviti interaktif dan perbincangan kumpulan.

Antara aktiviti utama ialah sesi permainan Tech Survival (Kewarganegaraan Digital), iaitu permainan berasaskan kad yang direka untuk meningkatkan

kesedaran tentang keselamatan dalam talian, penipuan siber, kecekapan digital, serta topik-topik penting seperti penggunaan pembantu Kecerdasan Buatan (AI), enkripsi data, serangan penggoda, ramalan digital, inovasi digital, dan bencana digital.

Melalui aktiviti berkenaan, pelajar berpeluang menerapkan kemahiran berfikir kritikal, membuat keputusan strategik, dan berkolaborasi secara aktif dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

DigiNations ialah sebuah komuniti inovasi yang berpangkalan di Negara Brunei Darussalam (NBD), berfokus pada literasi digital, kesedaran Industri 4.0, dan pembangunan kemahiran masa depan.

Komuniti berkenaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek seperti DigiThink, DigiVerse, dan DigiNova, yang telah menerima pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa atas sumbangannya dalam memperkasa pendidikan digital.

Melalui bengkel berkenaan, pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan tentang literasi dan kewarganegaraan digital, malah turut diterapkan dengan semangat inovasi serta tanggungjawab sosial dalam menggunakan teknologi secara positif.

Usaha seperti berkenaan diharapkan dapat memperkukuh ekosistem pembelajaran digital di negara ini serta menyokong

aspirasi untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berdaya saing dalam era Revolusi Industri Keempat (IR4.0).



Memperkenalkan seni khat kepada pelajar pendidikan khas

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. – Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), baru-baru ini.

Seramai sembilan pelajar, empat Guru 'SEN Didikan Kasih' Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin dan seorang Pegawai Jabatan Pendidikan Khas menyertai lawatan tersebut.

Antara pengisian lawatan ialah termasuk taklimat pengenalan, diikuti dengan demonstrasi penulisan khat di mana para pelajar menyaksikan secara langsung teknik menulis khat oleh pakar. Selain itu, Aktiviti Hands-on pula, para pelajar mencuba menulis huruf tunggal bersama dengan para pembimbing.

Acara juga menyaksikan penyerahan tanda terima kasih

daripada pihak sekolah ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, YSHHB dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Adapun objektif lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar Pendidikan Khas untuk mengenali seni khat secara lebih dekat melalui pengalaman langsung, selain itu membantu pelajar meningkatkan kemahiran motor halus, tumpuan dan koordinasi tangan-mata melalui aktiviti khat dan meningkatkan daya tumpuan, kesabaran dan kreativiti murid melalui aktiviti praktikal khat.

Ia juga bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, interaktif dan bersifat terapi dan membina keyakinan diri dan menggalakkan interaksi sosial murid melalui aktiviti berkumpulan di luar bilik darjah.



SEKOLAH Rendah Dato Mohd Yassin mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan bawah kanan).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025
2. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025
3. 'Kes Buli Terhadap Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



CHINA CATAT 16.34 JUTA PERJALANAN RENTAS SEMPADAN SEPANJANG CUTI 8 HARI

BEIJING, 10 Okt. - China mencatat sejumlah 16.34 juta perjalanan rentas sempadan sepanjang cuti lapan hari sempena Hari Kebangsaan dan

PENUMPANG berbaris untuk menaiki kapal penumpang-kargo di terminal pelayaran Qingdao, Wilayah Shandong, timur China, 1 Oktober 2025.

Perayaan Pertengahan Musim Luruh, yang berakhir pada Rabu, menurut data rasmi.

Purata harian perjalanan rentas sempadan melebihi 2 juta, menandakan peningkatan 11.5 peratus berbanding tahun sebelumnya, menurut Pentadbiran Imigresen Kebangsaan pada Khamis.

Sepanjang cuti tersebut,



jumlah perjalanan rentas sempadan oleh warga asing meningkat 21.6 peratus kepada 1.43 juta. Seramai 751,000 warga asing memasuki China, termasuk 535,000 di bawah dasar bebas visa - masing-masing mencatat peningkatan tahunan sebanyak 19.8 peratus dan 46.8 peratus. - ©XINHUA

Jerman tolak cadangan EU untuk pantau aplikasi mesej dalam talian

BERLIN, 9 Okt. - Jerman menyuarakan bantahannya terhadap cadangan peraturan Kesatuan Eropah (EU) pada Rabu yang dikenali sebagai "pengawasan sembang" bagi memantau mesej dalam talian untuk memerangi penyebaran bahan pornografi kanak-kanak, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Pengawasan sembang tanpa sebab munasabah mesti menjadi perkara terlarang dalam sebuah negara berperlembagaan," kata

Menteri Kehakiman Stefanie Hubig.

Beliau menegaskan komunikasi peribadi tidak seharusnya diletakkan di bawah syak wasangka umum dan pihak berkuasa tidak wajar memaksa penyedia aplikasi mesej untuk mengimbas mesej bagi kandungan mencurigakan sebelum ia dihantar.

"Jerman tidak akan bersetuju dengan cadangan seperti itu di peringkat EU," kata Hubig, sekali gus menamatkan spekulasi

mengenai pendirian pentadbiran Canselor Friedrich Merz berhubung isu berkenaan.

Negara anggota EU pada Rabu membincangkan rancangan kontroversi itu di peringkat duta.

Cadangan undang-undang yang diperkenalkan pada 2022 itu membolehkan pihak berkuasa mengimbas mesej dan gambar pada aplikasi mesej seperti WhatsApp, Signal dan lain-lain bagi mengesan kandungan pornografi kanak-kanak, sekali gus mengelakkan sistem

penyulitan.

Rancangan berkenaan mendapat kritikan meluas daripada organisasi perlindungan data dan penyedia aplikasi mesej.

Sekiranya persetujuan dicapai, para menteri EU dijangka mengundi rang undang-undang itu seawal minggu depan sebelum ia dibentangkan untuk pengundian di Parlimen Eropah.

Bantahan Jerman terhadap cadangan itu dianggap penting kerana undi daripada negara berpenduduk besar dalam blok berkenaan mempunyai pengaruh yang besar.

Ahli Parlimen Parti Hijau, Irene Mihalic, pada Rabu menyifatkan

cadangan itu sebagai pencerobohan terhadap hak dan kebebasan asasi, sambil memberi amaran bahawa penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) tidak menjamin perlindungan berkesan terhadap pornografi kanak-kanak.

"Malah sistem AI yang dirancang itu, jika diperhatikan, mempunyai kadar ralat yang sangat tinggi dan boleh menghasilkan berjuta-juta laporan palsu, yang akan memberikan beban besar kepada pihak berkuasa penyiasatan," katanya. "Kes sebenar pula mungkin tenggelam dalam longgokan data itu". - ©BERNAMA

New Zealand turunkan kadar faedah kepada 2.5 peratus susulan pertumbuhan ekonomi lemah

WELLINGTON, 8 Okt. - Bank pusat New Zealand menurunkan kadar tunai rasmi (OCR) sebanyak 50 mata asas kepada 2.5 peratus pada Rabu, dalam usaha merangsang pertumbuhan ekonomi yang lemah.

Menurut Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Rizab New Zealand (RBNZ), inflasi harga pengguna tahunan kini berada hampir pada paras tertinggi dalam julat sasaran 1-3 peratus, namun kapasiti lebihan dalam ekonomi dijangka menurunkannya ke sekitar titik tengah sasaran 2 peratus menjelang separuh pertama 2026, menurut kenyataan RBNZ yang dipetik Xinhua.

Pertumbuhan ekonomi sepanjang pertengahan 2025 adalah lemah disebabkan kekangan bekalan dalam beberapa industri serta ketidaktentuan dasar ekonomi global, menurut kenyataan itu.

"Perbelanjaan isi rumah sedang pulih, sebahagiannya disebabkan kadar faedah yang lebih rendah, manakala harga komoditi yang tinggi terus menyokong sektor utama. Harga rumah kekal mendarat dan pelaburan kediaman serta perniagaan masih lemah," menurut kenyataan itu.

Pertumbuhan dalam kalangan rakan dagangan New Zealand kekal berdaya tahan, didorong oleh pelaburan berkaitan Kecerdasan Buatan (AI), namun dijangka perlahan pada 2026.

Jawatankuasa tersebut memberi amaran mengenai risiko dua hala : tingkah laku pengguna dan perniagaan yang berhati-hati boleh melambatkan pemulihan ekonomi, manakala inflasi jangka pendek yang lebih tinggi mungkin berlarutan.

RBNZ turut menyatakan pihaknya masih terbuka untuk

melaksanakan pengurangan OCR selanjutnya jika perlu bagi mengekang inflasi secara mampan berhampiran titik tengah sasaran 2 peratus dalam jangka sederhana.

Menteri Kewangan Nicola Willis berkata pengurangan OCR sebanyak 50 mata asas pada Rabu akan mengurangkan lagi tekanan terhadap isi rumah dan perniagaan di New Zealand dan merupakan berita baik untuk pertumbuhan, pekerjaan dan pelaburan sekali gus memberi lebih banyak wang dalam tangan keluarga yang mempunyai pinjaman perumahan.

"Keputusan hari ini bermakna OCR menurun daripada 5.5 peratus kepada 2.5 peratus dalam tempoh lebih setahun iaitu satu perubahan ketara yang membantu meringankan beban dalam fasa pemulihan ekonomi yang amat mencabar," kata Willis. - ©BERNAMA

PBB peruntuk US\$1 juta tangani wabak kolera di Chad

NEW YORK, 8 Okt. - Penyelaras Bantuan Kecemasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Tom Fletcher, memperuntukkan US\$1 juta daripada Dana Tindak Balas Kecemasan Pusat (CERF) bagi menangani segera wabak kolera yang meragut nyawa di Chad, menurut jurucakap PBB pada Selasa, lapor Xinhua.

Peruntukan baharu itu, yang melengkapkan US\$3 juta yang diperuntukkan sebelum ini bagi menangani wabak kolera di Chad, bertujuan membendung penularan penyakit tersebut dengan menambah akses kepada air bersih dan sanitasi, menyediakan sokongan perubatan serta memperkukuh penglibatan komuniti untuk meningkatkan kesedaran mengenai risiko dan langkah pencegahan, kata jurucakap Setiausaha Agung PBB Stephane Dujarric dalam taklimat harian.

Sehingga Ahad, lebih 2,600 kes disyaki dan hampir 150 kematian dilaporkan di negara itu, dengan wabak berkenaan menjejaskan wilayah timur Ouaddai dan Sila -- yang menempatkan sejumlah besar pelarian akibat konflik di negara jiran Sudan -- serta wilayah tengah Guera, kata Dujarric.

Angka berkenaan menunjukkan potensi kadar kematian kes hampir 6 peratus, jauh melebihi paras kecemasan 1 peratus seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), tambahnya.

Setakat tahun ini, Dana Tindak Balas Kecemasan Pusat menyalurkan US\$11 juta bagi mengurangkan kesan dan menangani wabak kolera di lima negara Afrika, termasuk Chad, menurut jurucakap itu. - ©BERNAMA

PM Thailand Anutin isytihar perang terhadap dadah, ikrar tindakan keras seluruh negara

BANGKOK, 8 Okt. - Perdana Menteri Thailand Anutin Charnvirakul mengisytiharkan pembanteras dadah sebagai keutamaan mendesak negara dan berikrar untuk 'memenangi perang terhadap dadah' serta menghapuskan ancaman itu daripada masyarakat.

Anutin, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata usaha memerangi dadah sentiasa menjadi keutamaan nasional bagi setiap pentadbiran, dan kerajaan semasa kekal komited meneruskan tindakan keras terhadap penyalahgunaan bahan terlarang.

Beliau menegaskan kerajaan menganggap pengedar dan

penyeludup dadah dalam apa jua bentuk sebagai musuh negara, sambil berusaha meminda undang-undang berkaitan bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan.

"Kerajaan memandang serius isu ini dan akan bertindak sebagai musuh tanpa henti terhadap semua pengedar, pemilik dan penyeludup dadah, dengan mengenakan hukuman berat secara saksama di bawah undang-undang. Sesiapa yang terlibat dalam kegiatan dadah akan berdepan tindakan undang-undang yang tegas," katanya pada sidang media di Biro Pembanteras Narkotik Polis Diraja Thailand di sini pada Rabu.

Anutin turut memberi amaran bahawa mana-mana komuniti atau kampung yang membiarkan isu dadah berleluasa dan menjadi pusat pengedaran atau penyimpanan dadah akan dikenakan tindakan undang-undang lebih tegas serta hukuman lebih berat.

"Kerajaan akan melaksanakan pembanteras dadah secara berterusan tanpa sebarang kelonggaran bagi menjamin keselamatan komuniti dan mengekalkan ketenteraman negara," katanya.

Beliau berkata penangkapan berkaitan dadah diumumkan secara berkala, dengan dua

rampasan besar berlaku dalam minggu lepas, manakala Ketua Polis Negara terus memaklumkan perkembangan operasi kepada orang ramai.

Selepas sesi taklimat oleh Polis Diraja Thailand, Anutin secara peribadi memeriksa dadah serta kenderaan yang dirampas dan digunakan untuk menyembunyikan bahan terlarang itu.

Antara 4 dan 6 Oktober 2025,

beliau berkata Polis Diraja Thailand melancarkan operasi besar-besaran yang berjaya mematahkan empat rangkaian dadah utama, menahan 10 suspek serta merampas 15.78 juta pil methamphetamine, 235 kilogram methamphetamine kristal, dan pelbagai aset yang dikaitkan dengan sindiket berkenaan, yang kini dalam siasatan lanjut. - ©BERNAMA



MOFE RUN WUJUDKAN KECERDASAN MINDA, FIZIKAL



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada MOFE Run 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Oktober. - Kementerian Kewangan dan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

jabatan-jabatan dalamnya bermula di Kawasan Letak Kereta VIP, MOFE dan mengelilingi Taman Menteri Besar dan diakhiri di Bangunan MOFE, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya beserta pegawai dan kakitangan dari BDCB.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan senaman pemanasan badan dan diteruskan dengan Larian Pertandingan Competitive Run Sejauh 5 kilometer (km), Larian Competitive Platinum Sejauh 2.6km dan diikuti Walkaton Sejauh 2km.

MOFE Run 2025 diadakan adalah merupakan inisiatif MOFE dalam mengimbangi kesihatan mental dan fizikal, yang mana aktiviti sukan bukan sahaja ia dapat menyihatkan badan bahkan ia dapat mewujudkan kecerdasan minda dan fizikal.

Di samping itu juga, ia sebagai salah satu cara untuk menyahut inisiatif Kementerian Kesihatan dalam pertandingan BN on the Move Championship 2025 yang telah dilancarkan melalui aplikasi BruHealth pada 28 September 2025 yang lepas. Acara pada tahun ini adalah dikelola oleh Agensi Pelaburan Brunei, MOFE.

46 pasukan berentap di Kejohanan LSST TAIB 2025

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 10 Oktober. – Sebanyak 46 pasukan sepak takraw beraksi bagi merebut gelaran juara dalam Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) 2025 anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga yang bermula pada 5 Oktober lalu hingga 2 November ini.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan LSST TAIB 2025 diadakan petang tadi bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir menyempurnakan majlis pembukaan tersebut ialah Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku tetamu kehormat.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan perarakan masuk barisan pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh Pegawai Penganalisa di JBS, Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim.

Majlis Pembukaan turut menyaksikan lafaz Ikrar Atlet LSST TAIB 2025 oleh Abdul Hadi bin Metali, dan lafaz Ikrar Teknikal LSST TAIB 2025 oleh Ramlan bin Haji Mohd Said.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang

menyertai kejohanan berkenaan sebelum menyaksikan perlawanan pembukaan LSST TAIB 2025 di antara Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei A (MS PPDB A) menentang Muara Spurs B.

Perlawanan - perlawanan seterusnya akan diadakan pada setiap Ahad di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong iaitu pada 12 dan 19 Oktober 2025 bagi Liga Pusingan Pertama.

Liga Pusingan Kedua (Knock Out System) dan perlawanan suku akhir akan diadakan pada 26 Oktober 2025 juga di Kompleks Sukan Tutong.

Manakala perlawanan peringkat separuh akhir dan perlawanan peringkat akhir akan diadakan pada 2 November 2025 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, diteruskan dengan Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Penganjuran Kejohanan LSST buat kali ketiga ini mempertandingkan sebanyak dua kategori iaitu Liga Perdana dan Liga Amatur yang akan melibatkan seramai 14 pasukan bagi acara Liga Perdana dan 32 pasukan bagi acara Liga Amatur.

Johan bagi Liga Perdana akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND5,000; Piala Pusingan; trofi dan pingat kemenangan, diikuti naib johan yang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000; trofi dan pingat kemenangan, manakala tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND1,000, trofi dan

pingat kemenangan.

Sementara johan Liga Amatur pula akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500; trofi dan pingat kemenangan, diikuti naib johan yang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000; trofi dan pingat kemenangan, manakala tempat ketiga bersama akan menerima wang tunai sebanyak BND500, trofi dan pingat kemenangan.

Matlamat utama kejohanan ini adalah untuk mencari bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan dan seterusnya sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai berkecimpung dalam sukan sepak takraw serta sebagai Whole of Nation Approach iaitu penglibatan beberapa agensi untuk mengambil peranan masing-masing membawa warga untuk bersama menuju ke arah cara hidup sihat, di

samping menghidupkan semula sukan tradisi sepak takraw yang telah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi menyaksikan perlawanan-perlawanan serta Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan bagi sama-sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LSST TAIB 2025 dan masuk adalah percuma.

Pihak KKBS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak PESTABARU dan Perbadanan TAIB atas kerjasama dalam menjayakan Kejohanan LSST TAIB sejak tahun 2023 dan berharap agar kerjasama yang seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan ke arah memajukan sukan sepak takraw dan pembangunan belia di NBD.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai kejohanan berkenaan.

Tahukah Awda

PENGIKTIRAFAN Bandar Seri Begawan (BSB) sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia untuk tahun 2019 semasa Persidangan Islamic Conference of Culture Ministers (ICCM) yang Ke-9 pada 2 hingga 4 November 2015, di Muscat, Oman adalah satu penghormatan yang amat tinggi nilainya dan merupakan satu mercu tanda penting yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam secara amnya. Sebelumnya, pada tahun 2018, BSB juga telah menerima Anugerah Bandar Pelancong Bersih ASEAN semasa Forum Pelancongan ASEAN 2018 (ATF) di Chiang Mai, Thailand.

SUMBER : Pelita Brunei 2021.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAUHI DAN ELAKKAN PERBUATAN BULI